

"SESUNGGUHNYA Kami telah menjadikan apa yang ada di bumi sebagai perhiasan baginya untuk Kami menguji mereka (manusia) siapakah antara mereka yang lebih baik amalannya - Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Kahfi, ayat 7.

"Ya Allah, Ya Tuhan kami, kiranya kami ini sudah terlanjur mengkufuri nikmat-Mu dengan kelakuan-kelakuan kami yang Engkau tidak redai, maka Engkau ampunkanlah kami dan kasihanilah kami dengan menarik balik wabak koronavirus daripada negara kami. Ya Allah mohon supaya Engkau bersihkan negara kami ini daripada wabak sebersih-bersihnya. Amin.  
Wahabunallahu  
Wani'malwakeel, Walahaula  
Walaa Qowwata Illa Billahil  
'Aliyyl 'Azeem. Walhamdu  
Lillahi Rabbil 'Aalameen.

- Titah Perutusan Khas  
Kebawah Duli Yang Maha Mulia  
Paduka Seri Baginda Sultan  
dan Yang Di-Pertuan  
Negara Brunei Darussalam  
pada Selasa, 9 Muharam 1443 Hijrah  
bersamaan 17 Ogos 2021 Masihi  
di Istana Nurul Iman.

## Pemulihan ekonomi melalui peralihan ke pendigitalan

Siaran Akhbar :  
Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 7 Jun. - Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat menghadiri Mesyuarat ASEAN Inter-Parliamentary Assembly (AIPA) CAUCUS Kali Ke-13, yang dihoskan oleh National Assembly of Thailand secara dalam talian.

Mesyuarat berlangsung di Bangunan Dewan Majlis, Jalan Dewan Majlis dan dihadiri oleh 10 buah negara Ahli AIPA, termasuk Negara Brunei Darussalam.

Negara Brunei Darussalam menghadiri mesyuarat selaku pemerhati, yang diwakili oleh Setiausaha Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet dan Jurutulis Majlis-Majlis Mesyuarat, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin bin Haji Asar.

Turut hadir, Setiausaha Agung AIPA yang akan datang, Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman.

Perkara utama yang dibincangkan semasa mesyuarat adalah mengenai Status Implementasi Resolusi-resolusi Perhimpunan Agung AIPA Kali Ke-42 yang diluluskan tahun lepas dan mengenai isu 'The Cooperation on the Digital Economy in ASEAN in the Post COVID-19'.

>> Muka 9

## AMANAH IBARAT PERJANJIAN SUCI DENGAN ALLAH



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Pengisytiharan Pelantikan dan Pertukaran beberapa Menteri Kabinet dan Timbalan Menteri, yang berlangsung di Istana Nurul Iman. (Lihat muka 3 dan 4)

Oleh : Muhammad Khairulanwar Ali Rahman  
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 7 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah, amanah mestilah ditani dengan penuh setia dan sikap bertanggungjawab.

"Tidak siapa pun boleh mengabaikan amanah kerana amanah itu adalah ia ibarat perjanjian suci kita dengan Allah

Subhanahu Wata'ala," tegas titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah sedemikian semasa mengisytiharkan Pelantikan dan Pertukaran beberapa Menteri Kabinet dan Timbalan Menteri, yang berlangsung di Istana Nurul Iman.

Pelantikan dan pertukaran ini berkuat kuasa pada hari ini, Selasa 7 Jun 2022, bagi tempoh selama empat tahun.

## Tidak ada kes dalam Kategori 5

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

**BERAKAS**, Selasa, 7 Jun. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai, bahawa semalam, sebanyak 111 dos pertama dan 1,063 dos kedua diberikan kepada kanak-kanak berumur 5 hingga 11 tahun, yang masing-masing membawa jumlah keseluruhan pemberian vaksin dos pertama kepada 82.6 peratus dan 58.8 peratus bagi dos kedua.

Dalam pada itu, liputan bagi rakyat dan penduduk negara ini, yang mendapatkan tiga dos vaksin adalah sebanyak 71.2 peratus.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato

Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar menjelaskan perkara tersebut pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan hari ini, sebanyak 380 kes baharu dilaporkan, iaitu 377 kes hasil Ujian ART dan tiga kes adalah hasil daripada 361 Ujian Makmal RT-PCR, yang dilakukan dalam masa 24 jam lalu.

>> Muka 4



## Berita Utama



PENGIKTIRAFAN, penghargaan atas jasa, sumbangan kerja

Muka 6



15 siswazah UNISSA berlepas ke Osaka, Jepun

Muka 12



RENCANA

JADIKAN amalan menabung rutin kehidupan

Muka 21

## STATISTIK COVID-19

NEGERA BRUNEI DARUSSALAM

Maklumat setakat 8 JUN 2022, jam 4.00 petang

380

Jumlah kes hari ini

99

Jumlah kes yang sembuh hari ini

151,161

Jumlah kes jangkitan

0

Jumlah kes kematian 24 jam lalu

148,384

Jumlah kes yang sembuh



**MENTERI Pendidikan Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman berucap sempena Majlis Konvokesyen Micronet International College 2021, yang berlangsung pada Selasa, 24 Mei 2022, di Dewan Indera Samudera, The Empire Brunei.**

Assalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

**A**LHAMDULILLAH, bersyukur kita ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin dan atas limpah rahmat-Nya jua kita dapat sama-sama hadir pada pagi ini di Majlis Konvokesyen Micronet International College Tahun 2021.

Terlebih dahulu, saya sukacita merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada semua graduan yang diraikan pada majlis ini kerana telah berjaya menamatkan

## Penggunaan ICT bantu pembelajaran, pengajaran semasa pandemik

pengajian dalam bidang masing-masing.

Saya percaya, pencapaian ini adalah atas keprihatinan dan dorongan daripada ibu bapa, penjaga, pengetua serta para tenaga pengajar yang tidak pernah putus asa dalam menyumbang ke arah kejayaan ini.

Di kesempatan ini, sukacita saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada Micronet International College di atas sumbangannya kepada sistem pengajian tinggi di Negara Brunei Darussalam.

Alhamdulillah, dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala serta di bawah kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, negara kita telah mampu mengintegrasikan norma baharu ke dalam kehidupan seharian dan ini termasuklah kaedah pembelajaran dan pengajaran di institusi-institusi pendidikan.

Sebagaimana yang kita maklum, pandemik COVID-19 telah memberi kesan kepada industri global yang mana juga secara tidak langsung telah mengubah lanskap pendidikan. Ini dapat dilihat dari segi kemajuan ICT di mana semasa pandemik, penggunaan ICT sangat signifikan dalam membantu pembelajaran dan pengajaran untuk terus dilaksanakan walaupun institusi-institusi pendidikan terjejas dengan pandemik COVID-19.

Bagi sektor industri pula, penguasaan dalam bidang ICT semasa pandemik merupakan "competitive advantage" dan kemahiran asas yang perlu dimiliki oleh tenaga kerja khususnya bagi memperkasa kualiti perkhidmatan dan produktiviti seiring dengan arus perkembangan teknologi digital di era Revolusi Industri Ke-empat.

Dengan keadaan pasaran pekerjaan yang dijangka semakin mencabar terutama semasa pasca COVID-19, institusi-institusi pendidikan diseru agar sentiasa relevan dalam merangka program-program dan mempersiapkan diri para pelajar untuk menghadapi perkembangan industri yang pesat dengan kemajuan teknologi melalui pengajaran dan pembelajaran serta kurikulum yang berintegrasikan kemahiran ICT dan teknologi digital.

Bagi memenuhi pasaran pekerjaan yang mencabar pada masa ini, saya difahamkan bahawa Micronet International College telah giat melaksanakan usaha-usaha pembaharuan bagi kursus-kursus dalam bidang teknologi ataupun Information Technology di mana salah satunya ialah program usahasama di antara MIC dan Universiti Teknologi Brunei (UTB) yang telah mula diperkenalkan pada tahun lalu.

Ini bertepatan dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Majlis Konvokesyen Universiti Teknologi Brunei Kali Ke-sembilan pada 12 Februari 2022 yang lalu, di mana program artikulasi di antara UTB dan Micronet International College dalam Ijazah Sains Pengkomputeran akan melahirkan lebih ramai graduan dalam bidang *multimedia* dan *network security*.

Hubungan rapat yang berterusan di antara Micronet International College dan UTB adalah sangat bermanfaat bagi persiapan kepada penghasilan keperluan sumber tenaga yang mantap dari segi pengetahuan dan kemahiran, seiring dengan perkembangan dan kemajuan teknologi digital.

Saya turut difahamkan Micronet

International College juga telah berjaya menjadi salah sebuah Institusi Pendidikan Swasta yang diiktiraf sebagai IBTE Approved Centre dengan memperkenalkan tiga program baharu IBTE yang akan dijalankan pada tahun ini oleh pihak Micronet International College. Program-program tersebut adalah NTEC in Business and Administration, HNTec in Office Administration dan HNTec in Business and Finance.

Kerjasama berterusan di antara institusi-institusi pengajian tinggi awam dan swasta seperti ini akan dapat memberikan efek sinergi dalam menyediakan kepelbagaian program-program yang berkualiti tinggi di masa akan datang selaras dengan Matlamat Strategik Ketiga Pelan Strategik Kementerian Pendidikan 2018 - 2022, iaitu melibatkan pihak yang berkepentingan bagi perkongsian akauntabiliti dalam kemajuan pembelajaran pelajar.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Micronet International College, UTB dan IBTE di atas program-program usahasama tersebut.

Kementerian Pendidikan menyambut baik usahasama ini dan percaya bahawa segala usaha ini berpotensi untuk mengukuhkan lagi hubungan kerjasama di antara institusi-institusi pengajian tinggi awam dan swasta di negara ini, yang dilihat mampu memperkembangkan serta memperluaskan lagi peluang kepada pelajar-pelajar untuk melanjutkan pengajian dalam bidang-bidang program yang dapat memenuhi keperluan tenaga kerja dalam industri pekerjaan.

>> Muka 5

WAKTU SEMBAHYANG										
JUN MASIHI	HARI	ZULKAEDAH HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
8	RABU	8	4.33	4.43	6.07	6.31	12.20	3.46	6.31	7.47
9	KHAMIS	9	4.33	4.43	6.07	6.32	12.20	3.46	6.31	7.47
10	JUMAAT	10	4.33	4.43	6.08	6.32	12.21	3.46	6.32	7.47
11	SABTU	11	4.33	4.43	6.08	6.32	12.21	3.47	6.32	7.48
12	AHAD	12	4.33	4.43	6.08	6.32	12.21	3.47	6.32	7.48
13	ISNIN	13	4.33	4.43	6.08	6.32	12.21	3.47	6.32	7.48
14	SELASA	14	4.34	4.44	6.08	6.33	12.22	3.47	6.33	7.48

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
RABU	KHAMIS	JUMAAT	
Bandar Seri Begawan 31 25 °C	31 25 °C	31 25 °C	
Pekan Bangar 31 24 °C	31 24 °C	31 24 °C	
Pekan Tutong 31 24 °C	31 24 °C	31 24 °C	
Kuala Belait 31 24 °C	31 24 °C	31 24 °C	

Wallahuallam Bissawab  
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi  
www.met.gov.bn

### SIDANG PENGARANG

8 JUN 2022

## Jaga kesihatan secara menyeluruh

**P**ADA Upacara Perbarisan Raksasa Sambutan Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Ke-61 Tahun, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah bertitah mengingatkan bahawa pembinaan kekuatan spiritual adalah penting selain dari memperkasa kekuatan fizikal.

Salah satu cara untuk mengasah kekuatan spiritual kita sebagai orang Islam adalah dengan mendekati diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan membaca Al-Quran. Perkara ini juga telah disentuh oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah yang sama. Baginda bertitah, "Bagi kita orang Islam, mendekati diri kepada Allah melalui pembacaan Al-Quran adalah satu kekuatan berdasarkan Al-Quran itu adalah mukjizat teragung yang tidak boleh ditundukkan oleh apapun".

Islam menitik beratkan penjagaan kesihatan. Adalah penting untuk kita menyeimbangkan usaha-usaha penjagaan kesihatan dan tidak mementingkan satu bahagian sahaja. Contohnya, kita bertungkus lumus menjaga kesihatan fizikal dengan berolah raga dan bersukan tetapi lupa kepada kesihatan dalaman dengan tidak menjaga pemakanan atau tidak peka terhadap keadaan kesihatan mental kita dengan tidak menjaga tahap tekanan (*stress level*) atau memeriksa kestabilan emosi (*emotional stability*).

Kita perlu menjaga kesihatan kita secara menyeluruh dan memberi perhatian kepada bukan sahaja kesihatan fizikal, tetapi juga kepada kesihatan mental dan spiritual. Kita perlu faham bahawa kesihatan fizikal, mental dan spiritual sangat berhubung kait sesama sendiri dan apabila salah satunya dalam keadaan tidak baik ia akan menjejaskan keadaan kesihatan kita yang lain.

Kesihatan tubuh badan itu adalah satu nikmat dari Allah Subhanahu Wata'ala dan ia lebih berharga daripada harta benda. Janganlah kita mensia-siakan kesihatan kita dan mengambil ringan hal hal berkait penjagaan kesihatan. Kita juga perlu ingat bahawa menjaga kesihatan adalah satu ibadah dan amanah. Apabila kita menjaga kesihatan kita secara menyeluruh insyaaAllah urusan harian kita akan dapat dilaksanakan dengan mudah. Begitu juga dengan amal ibadah kita. Apabila tubuh badan sihat, insyaaAllah, akan mudahlah kita untuk beramal ibadah dan apabila kita menjaga amal ibadah, hati, minda dan kesihatan spiritual akan terjaga juga.

- Ketua Penyuntingan (Nr)

# PELANTIKAN, PERTUKARAN MENTERI KABINET, TIMBALAN MENTERI

Oleh : Muhammad Khairulanwar Ali Rahman



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.



**DULI** Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 7 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengisytiharkan Pelantikan dan Pertukaran beberapa Menteri Kabinet dan Timbalan Menteri, di Istana Nurul Iman.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam merujuk titah baginda semasa

Rombakan dan Pelantikan Menteri-menteri Kabinet dan Timbalan-timbalan Menteri yang baharu, pada Selasa, 13 Jamadilawal 1439 bersamaan 30 Januari 2018. Pada masa pelantikan - pelantikan berkenaan telah berkuat kuasa, mulai Selasa, 30 Januari 2018, bagi tempoh selama lima tahun.

Baginda bertitah, tiba masanya untuk menukar dan melantik beberapa Menteri Kabinet dan Timbalan Menteri yang baharu, termasuk mengekalkan beberapa Menteri Kabinet dan Timbalan Menteri, iaitu untuk mengukuhkan lagi jentera pentadbiran kerajaan, dalam meningkatkan keberkesanan fungsi kementerian yang

berkenaan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam titah mengisytiharkan Pelantikan dan Pertukaran Menteri-menteri Kabinet dan Timbalan-timbalan Menteri yang baharu seperti berikut :

Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusof sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk menggantikan Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud.

Dato Seri Paduka Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abd. Rahman sebagai Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri untuk menggantikan Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong.

Dato Seri Paduka Dr. Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin sebagai Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan untuk menggantikan Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong.

Dato Paduka Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abd. Rashid sebagai Menteri Pembangunan untuk menggantikan Dato Seri Setia Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar.

Datin Seri Paduka Dr. Dayang Hajah Romaizah binti Haji Mohd. Salleh sebagai Menteri Pendidikan untuk menggantikan Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman.

Pengiran Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha sebagai Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi untuk menggantikan Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof.

Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad sebagai Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk menggantikan Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Pengiran Dato Seri Setia Haji Mohd Tashim bin Pengiran Haji Hassan sebagai Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama untuk menggantikan Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar.

Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos sebagai Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

## Menteri-menteri Kabinet yang dikekalkan



**PEHIN** Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim.



**PEHIN** Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.



**DATO** Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar.



**DATO** Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.



**DATO** Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof.

## Lantikan baharu Menteri-menteri Kabinet



**PEHIN** Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusof.



**DATO** Seri Paduka Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abd. Rahman.



**DATO** Seri Paduka Dr. Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.



**DATO** Paduka Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abd. Rashid.



**DATIN** Seri Paduka Dr. Dayang Hajah Romaizah binti Haji Mohd. Salleh.



**PENGI**RAN Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha.



**AWANG** Haji Nazmi bin Haji Mohamad.

## Timbalan-timbalan Menteri yang dikekalkan dan baharu



**DATO Seri Paduka Awang Haji Matsatejo bin Sokiaw.**



**PENGIRAN Dato Seri Setia Haji Mohd. Tashim bin Pengiran Haji Hassan.**



**AWANG Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos.**



**DATO Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu.**



**BRIGADIER Jeneral Dato Seri Pahlawan Awang Haji Abdul Razak bin Haji Abdul Kadir.**



**AWANG Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid.**



**PENGIRAN Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani.**

### >> Muka 3

Dato Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu sebagai Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Brigadier Jeneral Dato Seri Pahlawan Awang Haji Abdul Razak bin Haji Abdul Kadir sebagai Timbalan Menteri Pertahanan.

Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid sebagai Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi.

Pengiran Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani sebagai

Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia turut bertitah, bahawa baginda masih menyandang sebagai Perdana Menteri; Menteri Pertahanan; Menteri Kewangan dan Ekonomi; dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah masih dikekalkan sebagai Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Dato Perdana Menteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim masih dikekalkan sebagai Penasihat Khas Kebawah DYMM dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman masih dikekalkan

sebagai Menteri Hal Ehwal Ugama.

Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar masih dikekalkan sebagai Menteri Kesihatan.

Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah masih dikekalkan sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Dato Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof masih dikekalkan sebagai Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II.

Dato Seri Paduka Awang Haji Matsatejo bin Sokiaw masih dikekalkan sebagai Timbalan Menteri, Jabatan Tenaga di Jabatan Perdana Menteri.

Titah baginda, bagi jawatan Timbalan Menteri Pembangunan adalah dengan ini belum lagi diperlukan.

Pelantikan dan pertukaran ini adalah berkuat kuasa pada hari ini, Selasa, 7 Jun 2022, bagi tempoh selama empat tahun.

## KEBAWAHA DYMM ZAHIRKAN PENGHARGAAN, TERIMA KASIH

■ Oleh : Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 7 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi

Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Menteri-menteri Kabinet dan Timbalan-timbalan Menteri yang

tidak lagi dilantik di atas khidmat dan jasa yang disumbangkan selama ini.

"Beta tidak lupa merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada mereka yang tidak lagi dilantik, di atas khidmat dan jasa mereka yang disumbangkan

selama ini, semoga Allah jua yang akan membalas dengan ganjaran pahala serta kebahagiaan yang berterusan," titah baginda.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah demikian hari ini semasa Mengisytiharkan Pelantikan dan Pertukaran beberapa Menteri Kabinet dan Timbalan Menteri, di Istana Nurul Iman.

## Tidak ada kes dalam Kategori 5



### >> Muka 1

Oleh itu, jumlah keseluruhan kes yang dilaporkan di Negara Brunei Darussalam setakat ini ialah 151,161 kes, ujar Yang Berhormat.

Sementara itu, Yang Berhormat seterusnya menerangkan tidak ada kes yang dikategorikan dalam Kategori 5, iaitu mereka yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif - ICU), manakala dua kes sedang

berada di Kategori 4, iaitu mereka yang memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi).

"Sebanyak 99 kes telah disahkan sembuh, yang membawa jumlah

■ Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin  
Foto : Azmah Haji Ahad

kes yang sembuh kepada 148,384 kes. Jumlah kes aktif pula ialah sebanyak 2,554 kes, iaitu lapan kes sedang dirawat di hospital,

manakala 2,546 kes sedang menjalani pengasingan diri di rumah," tambah Yang Berhormat lagi.



**YANG Berhormat Menteri Kesihatan pada pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, yang berlangsung di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan.**

# 379 KES BAHARU, 216 KES SEMBUH



**YANG** Berhormat Menteri Kesihatan semasa mengongsikan statistik terkini situasi jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, yang berlangsung di Dewan Al-'Afiyah, Kementerian Kesihatan.

## Pesakit ILI dipelawa jalani Ujian Makmal RT-PCR

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 6 Jun. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa sebagai sebahagian daripada pelbagai langkah pemantauan dan pengawasan (*surveillance*) berterusan terhadap pelbagai jangkitan respiratori termasuk COVID-19 yang berlaku di negara ini, kementerian tersebut akan mempelawa secara rambang (*random*) para pesakit yang datang ke Klinik Flu terutama sekali yang mempunyai Influenza-Like Illness (ILI) untuk menjalani Ujian Makmal RT-PCR.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar memaklumkan perkara tersebut pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19

di Negara Brunei Darussalam (NBD), yang berlangsung di Dewan Al-'Afiyah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Di samping itu juga menurut Yang Berhormat Menteri Kesihatan, kes-kes positif COVID-19 melalui Ujian Pantas Anitgen (ART) yang dilaporkan melalui aplikasi BruHealth juga akan dihubungi secara rambang (*random*) oleh Kementerian Kesihatan untuk menjalani Ujian Makmal RT-PCR.

Langkah itu tambah Yang Berhormat, akan membolehkan kementerian ini mendapatkan maklumat mengenai jenis penularan jangkitan yang berlaku.

Jika virus yang dikesan ialah virus SARS-CoV-2 jelas Yang Berhormat, Ujian Genome Sequencing juga akan dilakukan

bagi mengenal pasti varian yang ada di negara ini.

Yang Berhormat seterusnya menyarankan agar orang ramai yang dipelawa untuk menjalani Uji Swab bagi tujuan *surveillance* ini, adalah dialu-alukan untuk memberikan kerjasama bagi membolehkan pihak kementerian berkenaan terus menjalankan aktiviti *surveillance* yang berkualiti bagi keselamatan dan kesejahteraan bersama rakyat dan penduduk di negara ini.

"Marilah kita berdoa semoga NBD berserta seluruh rakyat dan penduduknya sentiasa berada dalam keadaan yang selamat, sejahtera dan berada di dalam lindungan Allah Subhanahu Wata'ala jua. *Aamiin Aamin Ya Rabbal Alamin,*" ujar Yang Berhormat lagi.

Oleh : Haniza Abdul Latif  
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 6 Jun. - Sebanyak 379 kes baharu dilaporkan hari ini, iaitu 373 kes adalah hasil daripada pengesanan Ujian Pantas Antigen (ART), dan enam kes adalah hasil daripada 292 Ujian Makmal RT-PCR yang telah dilakukan dalam tempoh masa 24 jam lalu.

Oleh itu, jumlah keseluruhan kes yang dilaporkan di Negara Brunei Darussalam (NBD) setakat ini ialah sebanyak 150,781 kes.

Perangkaan tersebut dikongsikan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD yang berlangsung di Dewan Al-'Afiyah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan seterusnya mengongsikan mengenai statistik harian COVID-19 yang lain pula, di mana tidak ada kes yang dikategorikan dalam Kategori 5, iaitu mereka yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU).

Manakala jelas Yang Berhormat,

dua kes sedang berada dalam Kategori 4, iaitu mereka yang memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi.

Menurut Yang Berhormat lagi, sebanyak 216 kes disahkan sembuh yang membawa jumlah kes yang sembuh kepada 148,285 kes.

Jumlah kes aktif pula terang Yang Berhormat, ialah sebanyak 2,273 kes, iaitu 12 kes sedang dirawat di hospital, manakala 2,261 kes sedang menjalani pengasingan diri di rumah.

"Oleh kerana semua Pusat Vaksinasi tidak beroperasi semalam, statistik terkini Program Vaksinasi kekal seperti yang dinyatakan di dalam Sidang Media semalam, iaitu jumlah keseluruhan pemberian vaksin dos pertama bagi kanak-kanak berumur 5 hingga 11 tahun ialah sebanyak 82.3 peratus dan 56.3 peratus bagi dos kedua.

"Dalam pada itu, liputan bagi rakyat dan penduduk negara ini yang telah mendapatkan tiga dos vaksin kekal sebanyak 71.1 peratus," ujar Yang Berhormat lagi.



### HALUAN

## Penggunaan ICT bantu pembelajaran, pengajaran semasa pandemik

>> Muka 2

Usaha-usaha sedemikian dapat dijadikan sebagai salah satu amalan terbaik bagi institusi-institusi pengajian tinggi awam dan swasta lain, untuk turut sama dalam mewujudkan kolaborasi bagi mempelbagaikan lagi bidang program secara holistik, seperti program *upskilling* dan *reskilling*, serta program pembelajaran sepanjang hayat, khususnya dalam memenuhi keperluan sumber tenaga manusia di negara ini.

Dalam jangka masa panjang, usahasama seperti ini akan dapat mengharmonikan ekosistem bidang pendidikan, khususnya

pengajian tinggi di negara ini, yang mana akan memberikan manfaat kepada pihak-pihak berkepentingan.

Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya ingin mengambil kesempatan untuk menyeru para graduan agar memanfaatkan segala ilmu pengetahuan dan kemahiran yang telah diperolehi di sepanjang mengikuti pengajian di Micronet International College.

Para graduan perlu sentiasa bersedia untuk mengharungi apa jua bentuk cabaran yang akan dihadapi, sama ada semasa mencari pekerjaan mahupun ketika sudah berada di alam pekerjaan.

Dengan berkarih dan berjarih,

serta betawakal, insyaaAllah, saya percaya para graduan akan belurui kejayaan dan kecemerlangan dalam apa jua bidang yang diceburi di masa akan datang.

Akhirnya, sekali lagi saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada para graduan yang diraikan, dan seterusnya kepada pensyarah-pensyarah dan ibu bapa yang tidak kendur-kendur dalam memberikan sokongan, dorongan dan doa-doa *abiskita* sehingga kita dapat menyaksikan kejayaan mereka pada pagi ini.

Sekian. *Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*



## Majlis Penyampaian Pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

### Kementerian Hal Ehwal Ugama



Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 7 Jun. - Seramai 375 menerima Pingat Indah Kerja Baik (P.I.K.B) dan 505 menerima Pingat Kerja Lama (P.K.L), terdiri daripada kalangan pegawai, kakitangan dan tenaga pengajar di Kementerian Hal Ehwal Ugama, pada Majlis Penyampaian Pengurniaan Pingat-pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam bagi

Tahun-tahun 2018, 2019, 2020 dan 2021 sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Jabatan-jabatan di bawahnya, di Dewan Serambi Suluh, Tarindak d'Seni, Bandar Seri Begawan, di sini. Pengurniaan Pingat-pingat

Kehormatan tersebut adalah sebagai pengiktirafan dan penghargaan daripada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas jasa dan sumbangan kerja yang diberikan sepanjang mereka berkhidmat.

Ia juga adalah sebagai motivasi dan penyuntik semangat kepada warga kementerian untuk meningkatkan lagi mutu dan



**YANG** Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama selaku tetamu kehormat semasa menyampaikan pingat kehormatan kepada salah seorang penerima (atas). Manakala gambar kiri, sesi bergambar ramai bersama para penerima pingat kehormatan pada majlis tersebut.

kualiti kerja serta terus diberkati dengan lebih cemerlang.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan penyampaian pingat-pingat, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai dan diteruskan dengan penyampaian pingat-pingat kehormatan.

Setelah itu, Doa Selamat dibacakan oleh Begawan Mudim Haji Abd. Latif bin Haji Saman.

Turut hadir, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; dan Timbalan Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang.

Juga hadir, Ra'ees Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Haji Adanan bin Haji Basar; Pengarah-pengarah; dan Pegawai-pegawai Kanan KHEU.

### Kementerian Kewangan dan Ekonomi



**YANG** Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II semasa hadir dan seterusnya menyempurnakan penyampaian Pingat-pingat Kehormatan NBD, yang berlangsung di Banquet Hall, Bridex, Jerudong (atas kanan, atas dan bawah kanan).

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

**JERUDONG,** Selasa, 7 Jun. - Seramai 204 penerima terdiri daripada kalangan pegawai dan kakitangan Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta Jabatan-Jabatan di dalamnya menerima Pingat-Pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Majlis Penyempurnaan Pengurniaan Pingat-pingat Kehormatan NBD tersebut

disempurnakan hari ini oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, bertempat di Banquet Hall, Bridex, Jerudong.

Turut hadir, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Seri Paduka Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman selaku Mantan Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal), Setiausaha-Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan dan bahagian, pegawai dan kakitangan



Kementerian Kewangan dan Ekonomi termasuk pegawai dan kakitangan daripada Pejabat Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Brunei Darussalam Central Bank.

Pada majlis tersebut, seramai 101 orang menerima Pingat Indah Kerja Baik (P.I.K.B) manakala 103 orang menerima Pingat Kerja Lama (P.K.L), terdiri daripada kalangan pegawai dan kakitangan Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta jabatan-jabatan di dalamnya termasuk pegawai dan kakitangan daripada Pejabat Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Brunei Darussalam Central Bank dan Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan (Government Linked Companies).

Pengurniaan Pingat Indah Kerja Baik dan Pingat Kerja Lama adalah sebagai pengiktirafan dan penghargaan dari Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan

Negara Brunei Darussalam atas jasa dan sumbangan bakti yang telah diberikan sepanjang mereka berkhidmat.

Di samping itu, ia juga sebagai

motivasi dan penyuntik semangat kepada warga kementerian dan jabatan untuk meningkatkan lagi mutu dan kualiti kerja serta terus berbakti dengan lebih cemerlang.



# Majlis Penyampaian Pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

## Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri



bacaan Surah Al-Fatihah,  
diikuti dengan Selawat  
Tafrijiyyah.

Acara kemudian diteruskan lagi dengan penyampaian Pingat Indah Kerja Baik (P.I.K.B) kepada 146 pegawai dan kakitangan, diikuti dengan penyampaian Pingat Kerja Lama (P.K.L) kepada 383 pegawai dan kakitangan.

Para penerima pingat tersebut antaranya ialah 14 penerima dari KHEDN; sembilan penerima dari Jabatan Daerah Brunei dan Muara; 14 penerima dari Jabatan Daerah Belait; 14 penerima dari Jabatan Daerah Tutong; enam penerima dari Jabatan Daerah Temburong; 50 penerima dari Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan; 20 penerima dari Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria; 10 penerima dari Jabatan Bandaran Tutong; tujuh penerima dari Jabatan Buruh; 72 penerima dari Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan; 247 penerima dari Jabatan Bomba dan Penyelamat; 62 penerima dari Jabatan Penjara; dan empat penerima dari Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Imam Tingkat I, Masjid Pehin Khatib Haji Abdullah Kampung Kulapis, Awang Abdul Najib Syazwan bin Shahrani.

Juga hadir, Setiausaha Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap, Ketua-ketua Jabatan, para Pegawai Kanan, Pegawai-pegawai dan Kakitangan dari KHEDN dan Jabatan-jabatan di bawahnya.

Oleh : Khartini Hamir  
Foto : Muhammad Asri Haji Abas

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 6 Jun. - Seramai 529 penerima terdiri daripada pegawai dan kakitangan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan jabatan-jabatan di bawahnya menerima pingat kehormatan, pada Majlis Penyampaian Pengurniaan Pingat-pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara

Brunei Darussalam yang berlangsung di Dewan Bankuet, Bangunan Dewan Majlis Mesyuarat Negara, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, seterusnya menyempurnakan penyampaian pingat pada majlis tersebut, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong.

Atur cara dimulakan dengan

## Jabatan Perdana Menteri



**MANTAN** Menteri di JPM semasa menyempurnakan Pengurniaan Pingat-pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam kepada salah seorang penerima.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 7 Jun. - Seramai 748 Pegawai dan Kakitangan Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Jabatan-jabatan di bawahnya menerima Pingat-pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam dalam satu majlis, yang berlangsung di Dewan Bankuet, Bangunan JPM.

Hadir menyempurnakan Penyampaian Pengurniaan Pingat-pingat Kehormatan tersebut, Mantan Menteri di JPM, Yang Mulia Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud.

Seramai 388 Pegawai dan Kakitangan JPM dan Jabatan-jabatan di bawahnya

menerima Pingat Indah Kerja Baik (P.I.K.B.), manakala 360 orang menerima Pingat Kerja Lama (P.K.L.), pada Majlis Penyampaian Pengurniaan Pingat-pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi Pegawai serta Kakitangan JPM dan Jabatan-jabatan di bawahnya.

Majlis turut dihadiri oleh Yang Berhormat Peguam Negara; Yang Berhormat Ketua Hakim Syarie; Setiausaha-setiausaha Tetap;

Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap; dan para jemputan khas.

Majlis antara lain bertujuan untuk memberikan setinggi-tinggi penghargaan dan pengiktirafan bagi warga JPM atas jasa bakti mereka kepada raja, kerajaan serta dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan.

Di samping mempunyai rekod perkhidmatan yang baik, pengiktirafan ini juga dapat meningkatkan motivasi para penerima untuk terus mencurahkan bakti kepada kerajaan dan negara.

Pegawai Penerangan di Jabatan Penerangan, Awang Hasanul Hidayat bin Haji Abu Bakar yang merupakan salah seorang penerima pingat P.I.K.B. dalam temu bualnya bersama media melahirkan rasa junjung kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan atas pengurniaan pingat tersebut.

Dengan adanya pengiktirafan ini, tambahnya, akan dapat memantapkan lagi motivasi diri dan semangat untuk terus mencurahkan bakti dalam Perkhidmatan Awam.

Manakala bagi salah seorang penerima pingat P.K.L., Penyemak di Jabatan Penerangan, Dayang Ramlah binti Md. Noor juga turut melahirkan rasa sukacita dan junjung kasih ke hadapan majlis Kebawah DYMM atas pengiktirafan tersebut.

Beliau yang sudah berkhidmat lebih daripada 25 tahun di dalam Perkhidmatan Awam percaya setiap warga Perkhidmatan Awam perlu ada rasa percaya diri,



**YANG** Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ketika menyempurnakan Pengurniaan Pingat-pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam kepada salah seorang penerima (kiri dan atas kanan).

## 137 warga MTIC terima pingat kehormatan

Berita dan Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 7 Jun. - Seramai 137 penerima terdiri daripada warga Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dan jabatan-jabatan serta agensi-agensi pihak berkuasa di bawahnya telah menerima pingat kehormatan pada Majlis Penyampaian Pengurniaan Pingat-pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang berlangsung di Dewan Bankuet, Bangunan Dewan Majlis Mesyuarat Negara, di sini.

Hadir pada majlis tersebut, Mantan Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Abdul Motalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Awang Mohammad Yusof.

Seramai 68 orang penerima Pingat Indah Kerja Baik (P.I.K.B) dan 69 orang penerima Pingat Kerja Lama (P.K.L) daripada kalangan pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dan jabatan-jabatan serta agensi-agensi pihak berkuasa di bawahnya.

Pengurniaan P.I.K.B dan P.K.L adalah sebagai pengiktirafan dan penghargaan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada pegawai-pegawai dan kakitangan atas jasa dan sumbangan kerja yang telah diberikan sepanjang perkhidmatan.

Turut hadir di Majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap (Infokomunikasi), Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pengangkutan), Ketua-Ketua Eksekutif Pihak Berkuasa, Ketua-Ketua Jabatan serta pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.



**MANTAN** Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi semasa menyempurnakan Pengurniaan Pingat-pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam kepada salah seorang penerima.

bekerja dengan jujur, amanah dan ikhlas, dalam melaksanakan tanggungjawab di dalam setiap tugas yang diamanahkan.

"Sebagai warga Perkhidmatan Awam kita perlu melaksanakan tugas dan tanggungjawab kita

dengan baik dan perlu benar-benar memahami apa yang terkandung di dalam Rukun Akhlak dan Etika Kerja Perkhidmatan Awam untuk diserapkan dan dipraktikkan di dalam diri kita sendiri dan di tempat kerja," jelas beliau.

## Majlis Penyampaian Pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam



Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 6 Jun. - Seramai 768 pegawai dan warga Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) menerima Pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi Tahun 2018 hingga Tahun 2021.

Majlis Penyampaian Pingat berkenaan berlangsung, di Dewan An-Naura, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanul Bolkihah (YSHHB).

Hadir bagi menyempurnakan penyampaian pingat, Menteri Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Seramai 419 pegawai dan warga Kementerian Pertahanan dan ABDB menerima Pingat Indah Kerja Baik (P.I.K.B.); 95 pegawai dan anggota ABDB menerima Pingat Pahlawan Periwara (P.P.); 31 pegawai dan anggota ABDB menerima Pingat Asgar Pahlawan (A.P.); empat pegawai dan anggota ABDB menerima Pingat Penglima Lasgar (P.L.); serta 219 pegawai dan warga awam Kementerian Pertahanan menerima Pingat Kerja Lama (P.K.L.).

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat oleh Pemangku Pengarah Jabatanarah Agama (JAMA'AT), Komander Haji

**ANTARA** yang hadir pada majlis tersebut.

### Kementerian Pertahanan, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei



**YANG** Berhormat Menteri Pertahanan Kedua semasa menyampaikan Pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi Tahun 2018 hingga Tahun 2021 kepada para penerima (atas kiri dan atas).

Ainulnizam bin Haji Ibrahim, Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB).

Pengurniaan Pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam merupakan satu pengiktirafan dan penyuntik semangat bagi warga Kementerian Pertahanan dan ABDB untuk terus maju serta cemerlang, demi berbakti dan memberi sumbangan kepada negara.

Turut hadir di majlis tersebut, Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Dato Seri Pahlawan Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan, Pemangku Setiausaha Tetap, Pemerintah-pemerintah Angkatan Tentera, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, Pengarah-pengarah dan Pegawai-pegawai kanan Kementerian Pertahanan dan ABDB.

### Kementerian Kesihatan



Oleh : Nooratini Haji Abas  
Foto : Azmah Haji Ahad

**YANG** Berhormat Menteri Kesihatan semasa menyempurnakan penyampaian pingat kepada penerima (kiri dan kanan).

**JERUDONG**, Isnin, 6 Jun. - Seramai 834 orang menerima Pingat-pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam (NBD), iaitu 414 menerima Pingat Indah Kerja Baik (P.I.K.B); dan 420 orang lagi menerima Pingat Kerja Lama (P.K.L) bagi Kementerian Kesihatan.

Majlis yang diadakan di Dewan Persidangan BRIDEX Jerudong tersebut adalah bersempena dengan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyampaikan pingat-pingat



berkenaan, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Haji Md. Isham bin Haji Jaafar.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diketuai oleh Awang Haji Norasilin bin Haji Puting, dan diteruskan dengan penyampaian Pingat-pingat Kehormatan NBD yang dimulakan dengan penyampaian P.I.K.B. dan P.K.L, disampaikan oleh Yang Berhormat.

Majlis itu bertujuan untuk

**ANTARA** penerima pingat-pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam, yang diadakan di Dewan Persidangan BRIDEX, Jerudong.

memberikan setinggi-tinggi penghargaan bagi warga Kementerian Kesihatan atas jasa bakti mereka kepada raja dan kerajaan dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan.

Pada masa yang sama juga untuk menyuntik lagi semangat bagi warga yang lain untuk turut meningkatkan mutu kerja dengan lebih gigih dan cemerlang.

Turut hadir pada majlis tersebut, Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Maswadi bin Haji Mohsin; Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dr. Ang Swee Hui; Ketua-ketua Pengarah, Pengarah-pengarah, pegawai dan kakitangan Kementerian Kesihatan.



# PEMULIHAN EKONOMI MELALUI PERALIHAN KE PENDIGITALAN


Siaran Akhbar dan Foto :  
Jabatan Majlis-Majlis  
Mesyuarat

JABATAN Majlis-Majlis Mesyuarat menghadiri Mesyuarat ASEAN Inter-Parliamentary Assembly (AIPA) CAUCUS Kali Ke-13, yang dihoskan oleh National Assembly of Thailand secara dalam talian.

>> Muka 1

Menurut mesyuarat tersebut, AIPA menyokong pelaksanaan ASEAN dengan mengikuti plan hala tuju 'Bandar Seri Begawan Roadmap : BSBR Phase 2' bagi pemulihan ekonomi melalui peralihan ke pendigitalan, bagi mempercepatkan plan ekonomi digital pada 2022 - 2025.

Mesyuarat AIPA CAUCUS kali ini meluluskan Laporan Rasmi Mesyuarat AIPA CAUCUS Kali



Ke-13 dengan sebulat suara. Laporan tersebut seterusnya

akan dibincangkan untuk diluluskan semasa Perhimpunan

Agung AIPA Kali Ke-43, yang akan dihoskan oleh National Assembly

of Kingdom of Cambodia pada November tahun ini nanti.

## Alert List BDCB dikemaskinikan

Siaran Akhbar : Brunei Darussalam Central Bank

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 7 Jun. - Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) ingin memaklumkan orang ramai bahawa Alert List BDCB telah dikemaskinikan.

Alert List BDCB adalah senarai individu, syarikat dan laman sesawang yang tidak diberi kebenaran atau kelulusan di bawah undang-undang dan peraturan-peraturan di bawah kawalan BDCB atau mana-mana aktiviti yang menimbulkan kecurigaan akan berlaku aktiviti yang menyalahi undang-undang.

Senarai tersebut adalah tanpa prejudis kepada sebarang penilaian lanjut oleh BDCB mengenai aktiviti-aktiviti syarikat berkenaan.

BDCB juga ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa individu, syarikat atau entiti yang telah dimasukkan ke dalam Alert List BDCB bagi bulan Jun 2022 adalah seperti berikut, iaitu *Dysfunctional.bn* (Instagram Profile), *Loan Brunei Darussalam* (Instagram profile) / *Quick Loans* / *loan\_online\_bruneidarussalam* / *gruploanbrunei* / *loanbrunei* (7261187).

Seterusnya, *Mia Mudah* (Facebook profile) / *MIALOAN, Ministry Personal Loan Brunei Darussalam* (Facebook Profile) / *Ministry Loan Brunei* (Instagram Profile) (7238656) dan 8141439.

Alert List BDCB yang telah dikemaskinikan boleh didapati di

Laman Sesawang BDCB.

BDCB ingin menasihatkan orang ramai supaya hanya berurusan dengan institusi-institusi kewangan yang berlesen dan seterusnya, untuk berwaspada terhadap entiti atau individu tidak berlesen yang menjalankan atau menawarkan perkhidmatan kewangan, terutamanya yang berunsurkan skim cepat kaya dan skim piramid.

Antara perkhidmatan-perkhidmatan kewangan di bawah bidang kuasa BDCB adalah penukaran wang, pengiraman wang dan pinjaman wang. Orang ramai juga diingatkan, bahawa perlindungan di bawah rangka kerja penyeliaan BDCB tidak dapat diberikan kepada sesiapa yang memilih untuk berurusan dengan entiti, syarikat atau individu yang tidak dilesen atau dikawal selia.

Orang ramai juga boleh melayari Laman Sesawang BDCB di [www.bdc.gov.bn](http://www.bdc.gov.bn) atau Instagram BDCB @centralbank.brunei untuk maklumat lanjut mengenai bahaya entiti kewangan tidak berlesen serta cara-cara mengenal pasti penipuan kewangan.

BDCB akan terus mementingkan kestabilan kewangan Negara Brunei Darussalam dan mengutamakan perlindungan sistem kewangan dan kepentingan pengguna kewangan di negara ini.

BDCB juga akan terus memantau sebarang aktiviti kewangan yang mencurigakan

akaun **e-darussalam**

Akaun e-darussalam membolehkan awda untuk mengakses perkhidmatan kerajaan secara dalam talian (*online*) seperti memperbaharui lesen memandu dan kenderaan, memohon lesen perniagaan, memohon jawatan kosong dan banyak

Tatacara mendaftar dan mengaktifkan akaun e-darussalam awda:

- 1** Layari [www.gov.bn](http://www.gov.bn) dan klik 'e-darussalam' untuk memulakan pendaftaran
- 2** Isikan borang pendaftaran dengan lengkap
- 3** Semak e-mel awda. Awda akan menerima e-mel mengenai pemakluman untuk mengaktifkan akaun e-darussalam awda.
- 4** Untuk mengaktifkan akaun awda, taip 'Aktifkan akaun e-darussalam saya' dan sertakan gambar awda yang jelas dengan memegang bahagian hadapan kad pengenalan awda, kemudian hantar ke Talian Darussalam 123 (TD123) melalui:  
- WhatsApp Live Chat (8333123) atau  
- E-mel ([info@123.com.bn](mailto:info@123.com.bn))
- 5** TD123 akan mengaktifkan akaun e-darussalam awda jika:  
- Gambar awda sepadan dengan gambar di dalam kad pengenalan awda  
- Nombor dan nama dalam kad pengenalan awda kelihatan jelas

\*Tertakluk pada Terma dan Syarat
- 6** TD123 akan mengaktifkan akaun e-darussalam awda jika semua terma dan syarat adalah dipenuhi. Setelah pengaktifan selesai, kata laluan sementara bagi akaun e-darussalam awda akan dihantar melalui e-mel. Sila tukar kata laluan sementara berkenaan kepada kata laluan baru sebelum menggunakan akaun e-darussalam awda.

Untuk keterangan lanjut, layari [www.gov.bn](http://www.gov.bn) atau hubungi Talian Darussalam 123

**gov**.bn

atau tidak berlesen di Negara Brunei Darussalam. Jika orang ramai mempunyai

sebarang maklumat mengenai aktiviti yang tidak berlesen, sila hubungi BDCB melalui

talian +673 2380007 atau +673 8380007 atau e-mel melalui [fci@bdc.gov.bn](mailto:fci@bdc.gov.bn)

# Tuntutan Mengerjakan Tawaf Qudum

(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

**M**ENGIKUT sunnah Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam perkara pertama yang Baginda kerjakan sebaik sahaja masuk ke Makkah ialah Baginda mengerjakan tawaf berbanding perkara-perkara lain. Sayyidatuna 'A'isyah Radhiallahu 'anha telah menceritakan perkara ini dalam satu riwayat :

**Maksudnya :** Bahawa perkara yang pertama Baginda mulakan dengannya ketika tiba di Makkah bahawa Baginda berwudhu', kemudian Baginda tawaf di al-Bait (Ka'bah).

(Hadits riwayat al-Bukhari dan Muslim) Menurut para ulama, tawaf yang Baginda kerjakan sebaik sahaja masuk ke Makkah itu ialah Tawaf Qudum.

Menurut fuqaha', Tawaf Qudum ialah tawaf yang dikerjakan sebagai tanda penghormatan (tahiyyah) terhadap Baitullah (Ka'bah). Tawaf Qudum disebut dengan beberapa nama lain antaranya tawaf Qadim, Wurud, Warid dan Tahiyah. Hukum mengerjakan Tawaf Qudum adalah sunat kerana ittiba' (mengikuti sunnah Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam).

Berdasarkan hadits di atas, orang yang masuk ke Makkah sunat baginya mendahulukan dan mengutamakan Tawaf Qudum berbanding urusan-urusan yang lain seperti menyewa tempat tinggal, menurunkan barang-barang bawaan, menukar pakaian dan lain-lain urusan.

Sungguhpun demikian, tuntutan sunat mengerjakan Tawaf Qudum bagi orang yang masuk ke Makkah adalah berbeza, iaitu tertakluk kepada tujuan seseorang masuk ke Makkah sebagaimana penjelasan berikut.

## Orang yang masuk ke Makkah untuk tujuan selain menunaikan ibadah haji dan umrah

Orang yang masuk ke Makkah bukan dalam keadaan berihram, seperti masuk dengan tujuan berziarah, berniaga atau bertugas, maka hukum mengerjakan Tawaf Qudum baginya adalah sunat dan makruh meninggalkannya. Tuntutan ini berakhir apabila dia keluar daripada Makkah.

## Orang yang masuk ke Makkah untuk menunaikan ibadah umrah

Orang yang masuk ke Makkah untuk menunaikan ibadah umrah, perkara yang dituntut ke atasnya sebaik sahaja masuk ke Makkah ialah mengerjakan tawaf fardhu bagi ibadah umrah dan dia tidak dituntut

untuk mengerjakan Tawaf Qudum. Walau bagaimanapun menurut ulama, dia tetap mendapat ganjaran pahala Tawaf Qudum dengan mengerjakan tawaf fardhu bagi ibadah umrahnya.

## Orang yang masuk ke Makkah untuk menunaikan ibadah haji

Kaifiat menunaikan ibadah haji itu ada tiga cara sama ada *Ifrad*, *Qiran* atau *Tamattu'*. Haji *Ifrad* ialah berniat ketika berihram untuk menunaikan haji semata-mata kemudian dia mengerjakan perbuatan-perbuatan haji sahaja. Haji *Qiran* ialah berniat ketika berihram untuk menunaikan ibadah umrah dan haji secara serentak. Haji *Tamattu'* ialah berniat ketika berihram untuk menunaikan ibadah umrah sahaja semasa dalam bulan-bulan haji, iaitu Syawal, Dzulkaedah dan sepuluh malam dari bulan Dzulhijjah dan berakhir dengan terbit fajar 10 Dzulhijjah, kemudian setelah selesai daripada melakukan ibadah umrah dan *bertahallul* lalu dia tinggal di Makkah dalam keadaan halal (tidak dalam keadaan berihram haji atau umrah). Apabila tiba waktu untuk mengerjakan haji, dia pun berihram untuk menunaikan haji dan mengerjakan perbuatan-perbuatan haji.

Hukum mengerjakan Tawaf Qudum bagi orang yang masuk ke Makkah untuk menunaikan ibadah haji *Ifrad* dan *Qiran* adalah sunat iaitu sebaik sahaja dia masuk ke Makkah.

Walaupun bagaimanapun sekiranya orang yang berihram haji *Ifrad* dan *Qiran* yang disunatkan mengerjakan Tawaf Qudum itu tidak melakukan Tawaf Qudum ketika masuk ke Makkah, maka ibadah hajinya tetap sah dan dia juga tidak dikenakan apa-apa *dam* namun dia terluput fadhilat atau kelebihan mengerjakan Tawaf Qudum.

Tuntutan sunat mengerjakan Tawaf Qudum bagi orang yang berihram haji *Ifrad* dan *Qiran* akan berakhir pada waktu tertentu tertakluk kepada keadaan berikut :-

(i) Jika dia masuk ke Makkah sebelum Wuquf di 'Arafah (9 Zulhijjah), maka tuntutan sunat mengerjakan Tawaf Qudum akan luput apabila dia wuquf di 'Arafah.

(ii) Jika dia tidak masuk ke Makkah dan terus wuquf di 'Arafah, maka tuntutan sunat mengerjakan Tawaf Qudum itu akan luput apabila masuk waktu tengah malam pada malam hari raya 'Idul Adha (10 Zulhijjah) kerana ketika itu telah masuk waktu untuk mengerjakan Tawaf *Ifadah* (tawaf rukun haji). Walau bagaimanapun menurut ulama, dia tetap mendapat ganjaran pahala Tawaf Qudum dengan mengerjakan Tawaf *Ifadah* sebagaimana orang yang mengerjakan ibadah umrah memperoleh ganjaran pahala Tawaf Qudum apabila mengerjakan tawaf fardhu bagi ibadah umrahnya.

Manakala orang yang mengerjakan haji *Tamattu'*, dia tidak disunatkan mengerjakan Tawaf Qudum kerana dia dituntut mengerjakan tawaf fardhu ibadah umrah sebaik sahaja masuk ke Makkah. Walau bagaimanapun menurut ulama, dia tetap mendapat ganjaran pahala Tawaf Qudum dengan mengerjakan tawaf fardhu ibadah umrah itu.

Adapun penduduk Makkah dan termasuk juga orang *afaqi* yang bukan penduduk Makkah (penduduk daripada luar *miqat*) yang berihram menunaikan ibadah haji dari Makkah, maka tidak dituntut baginya mengerjakan Tawaf Qudum. Walau bagaimanapun sekiranya dia berihram untuk menunaikan ibadah haji dari Makkah kemudian dia keluar ke suatu tempat yang jaraknya dua *marhalah* dan setelah itu dia masuk semula ke Makkah sebelum dia wuquf, maka dalam keadaan seperti ini hukum mengerjakan Tawaf Qudum baginya adalah sunat.


## Mengutamakan Tawaf Qudum

Orang-orang yang dituntut untuk mengerjakan Tawaf Qudum sebaik sahaja masuk ke Makkah, maka perkara utama yang dilakukannya ialah bersegera ke Masjid al-Haram untuk mengerjakan Tawaf Qudum. Oleh itu, apabila dia masuk ke Masjid al-Haram janganlah dia menyibukkan dirinya dengan perkara selain melakukan Tawaf Qudum termasuk mengerjakan sembahyang sunat Tahiyah al-Masjid kerana Tawaf Qudum itu adalah sebagai penghormatan terhadap Ka'bah.

Walaupun bagaimanapun sekiranya dia tidak bersegera mengerjakan Tawaf Qudum setelah masuk ke Masjid al-Haram seperti sebelum mengerjakan Tawaf Qudum dia mengerjakan sembahyang Tahiyah al-Masjid, duduk di dalam masjid, membaca al-Qur'an atau lain-lain, perkara tersebut tidak meluputkan tuntutan sunat mengerjakan Tawaf Qudum.

Dalam keadaan tertentu Tawaf Qudum itu boleh diakhiri mengerjakan umpamanya apabila takut terluput sembahyang fardhu atau sembahyang sunat *mu'akkadah* atau sembahyang sunat *rawatib* atau takut terluput peluang sembahyang berjemaah yang sedang didirikan atau teringat akan sembahyang fardhu yang perlu diqadha'.

Maksud mendahulukan sembahyang fardhu yang perlu diqadha' sebelum Tawaf Qudum ialah sekira-kira dengan mengerjakan sembahyang qadha' itu tidak meluputkan tuntutan mengerjakan Tawaf Qudum menurut 'uruf (kebiasaan). Begitu juga sekiranya dia teringat mengenai sembahyang fardhu yang perlu diqadha' ketika dia sedang mengerjakan Tawaf Qudum, maka dibolehkan baginya



**IRSYAD HUKUM**

جاءت في كل مكان  
جان فدان مني كل يوم والحمد لله

Jabatan Mufti Kerajaan  
Jabatan Perdana Menteri  
Negara Brunei Darussalam

Website : [www.mufti.gov.bn](http://www.mufti.gov.bn)  
E-mail : [fatwa@mufti.gov.bn](mailto:fatwa@mufti.gov.bn) - [info@mufti.gov.bn](mailto:info@mufti.gov.bn)

memberhentikan Tawaf Qudum dan mengqadha' sembahyang terlebih dahulu.

Menurut Imam Ibn Hajar *Rahimahullah*, sekiranya sembahyang fardhu secara berjemaah didirikan ketika dia sedang mengerjakan Tawaf Qudum, maka sunat dia memberhentikan tawafnya dan menyertai sembahyang berjemaah tersebut kemudian dia menyambung tawafnya setelah selesai sembahyang berjemaah.

Jika seseorang masuk ke Masjid al-Haram untuk mengerjakan Tawaf Qudum tetapi ketika itu orang ramai adalah ditegah daripada melakukan tawaf atau dia masuk ke Masjid al-Haram dan dia tidak berhajat untuk mengerjakan Tawaf Qudum, maka dalam dua keadaan di atas, perkara yang dituntut ke atasnya ialah mengerjakan sembahyang sunat Tahiyah al-Masjid.

Sebagai kesimpulan, mengerjakan Tawaf Qudum sebaik sahaja masuk ke Makkah dan masuk ke Masjid al-Haram hukumnya adalah sunat kerana ittiba' (mengikuti sunnah Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam). Orang yang berihram haji *Ifrad* atau *Qiran* yang masuk ke Makkah sebelum Wuquf di 'Arafah (9 Zulhijjah), maka tuntutan sunat ini akan luput apabila dia wuquf di 'Arafah. Orang yang tidak masuk ke Makkah dan terus wuquf di 'Arafah, maka tuntutan sunat ini akan luput apabila masuk waktu tengah malam pada malam Hari Raya 'Idul Adha (10 Zulhijjah). Manakala orang yang berihram untuk ibadah umrah sahaja dan termasuk orang yang berihram haji *Tamattu'*, maka perkara yang dituntut ke atasnya sebaik sahaja masuk ke Makkah ialah mengerjakan tawaf fardhu ibadah umrah.

## منوجو كريضاءن الله MENUJU KEREDAAN ALLAH كلولان قوسمة دعوه اسلاميه

**S**EMBAHYANG lima waktu yang wajib itu sebaik-baiknya hendaklah dilaksanakan secara berjemaah. Mendirikan sembahyang secara berjemaah itu mempunyai kelebihan darjat berbanding sembahyang secara bersendirian. Sesungguhnya sembahyang berjemaah itu memiliki ganjaran pahala yang sangat besar daripada sembahyang seorang diri, iaitu 27 darjat sepertimana dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dan Imam Muslim, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda maksudnya : "Sembahyang berjemaah melebihi sembahyang bersendirian dengan 27 darjat (atau 27 kali ganda)".

Betapa besarnya kelebihan-kelebihan yang akan kita peroleh apabila dapat melaksanakan sembahyang secara berjemaah lebih-lebih lagi yang dilaksanakan di masjid. Sembahyang berjemaah itu adalah Sunnah. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam tidak pernah meninggalkan

# Hikmah sembahyang berjemaah

sembahyang fardhu lima waktu secara berjemaah walau dalam keadaan baginda sakit. Dalam sirah baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, sejak baginda berhijrah ke Madinah, baginda tidak pernah meninggalkan sembahyang berjemaah sehinggalah baginda wafat. Malah ketika Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam keadaan sakit tenat, iaitu pada penghujung hayat baginda, baginda dipapah oleh para sahabat Radhiallahu 'anhuma untuk menunaikan sembahyang berjemaah di masjid. Hal ini sememangnya menunjukkan kepada kita betapa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ingin mendidik umatnya agar mengambil berat akan ibadah sembahyang fardhu secara berjemaah.

Sembahyang berjemaah di masjid adalah satu wadah dalam mendidik hati dan jiwa para jemaah untuk lebih berukhwah dan bersatu padu. Ia bukan sahaja tanda kemuliaan dan keagungan Islam bahkan sembahyang berjemaah adalah simbol perpaduan dan syiar kekuatan umat Islam. Semua jemaah tanpa sebarang perbezaan status, miskin atau kaya berdiri lurus serta bersatu hati menghadap Allah Subhanahu Wata'ala dalam melaksanakan satu ibadah

berpandukan seorang imam yang juga dianggap sebagai ketua atau pemimpin.

Dengan wujudnya pertemuan dan perhimpunan melalui sembahyang berjemaah, silaturahim antara umat Islam akan terus bersatu, semangat dan kekuatan umat Islam juga akan terus padu kerana sembahyang yang dilaksanakan secara berjemaah itu umpama menegakkan banyak tiang yang mengukuhkan lagi kekuatan agama. Sembahyang berjemaah juga mampu mengikis sifat-peningkatan diri sendiri dan menjadi manusia yang boleh bertolak ansur, di samping berpeluang untuk berta'aruf sesama jemaah. Ini seterusnya akan menumbuhkan rasa kemesraan serta menyemarakkan semangat persaudaraan sekaligus memelihara umat daripada perpecahan, kebencian dan hasad dengki.

Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam at-Tirmidzi daripada Abu Said al-Khudri Radhiallahu 'anhu, bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

"Apabila kamu melihat orang yang berulang alik ke masjid, maka saksikanlah bahawa dia adalah orang yang beriman".

Justeru, setiap individu muslim perlu ada

kesungguhan untuk membina umat yang cinta dan memakmurkan rumah Allah. Kehadiran seseorang ke masjid itu adalah berkait rapat dengan keimanan, maka kita hendaklah buang apa jua halangan dan alasan yang menyebabkan kita berat hati untuk melangkah pergi ke masjid. Tambah pula bagi mereka yang sembahyang fardhu di masjid bukan sekadar sembahyang itu sahaja yang mendapat pahala yang besar malahan setiap langkah akan dihitung dan dikira oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

"Sesiapa yang bersuci di rumahnya, kemudian berjalan ke salah satu rumah Allah (masjid) untuk melaksanakan kewajipan yang Allah tetapkan, maka kedua langkahnya, yang satu menghapus kesalahan dan satu lagi meninggikan darjat".

Marilah kita tanamkan dalam kehidupan kita sehari-hari untuk sentiasa meningkatkan usaha dalam meraih pahala dengan memperbanyakkan perkara-perkara sunat dan antaranya adalah melalui sembahyang berjemaah.



SOALAN-SOALAN LAZIM  
PENGUNAAN OKSIMETER NADI



<https://bit.ly/3vmv5Eg>

■ Berita dan Foto : Noraisah Haji Muhammed

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 6 Jun. - Pembentangan Siri Kongres Antarabangsa Bahasa, Sastra dan Budaya Melayu (KABSBM) mengemukakan perbincangan dan kajian bagi dua buah novel, iaitu 'Puncak Pertama' dan 'Hadiah Sebuah Impian' mengenai Sastra dan Pembangunan Wanita : Meneliti Teks Novel Pra-U Komponen Sastra Bahasa Melayu yang mengetengahkan bahan sastra sebagai alat pendidikan yang dapat memberikan sumbangan kepada kemajuan diri manusia. Sastra dan pembangunan wanita dalam penulisan dua buah

novel tersebut mengangkat martabat seorang isteri yang taat kepada suaminya. Siri KABSBM sempena Bulan Bahasa tersebut adalah anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Brunei melalui Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Bahasa yang diadakan secara maya melalui penstriman platform Facebook Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei dan aplikasi Zoom, di sini. Siri pembentangan KABSBM kali ke-18 itu menampilkan pemakalah dari Brunei, iaitu Pegawai Pendidikan, Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah,

# KESUSASTERAAN MELAYU BERKEMBANG SEJAJAR DENGAN TAMADUN MANUSIA



ANTARA yang menyertai Kongres Antarabangsa Bahasa, Sastra dan Budaya Melayu (KABSBM) secara maya.

Dr. Faridah binti Abd. Hamid. Antara yang dibincangkan dalam pembentangan kali ini ialah Kesusasteraan Melayu yang merupakan satu bidang ilmu yang mula berkembang sejajar dengan perkembangan tamadun manusia. Seramai 133 orang pelayar menghadiri KABSBM secara maya

yang terdiri daripada Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah; Pemangku Pengarah DBP, Awang Suip bin Haji Abd. Wahab; Pemangku Timbalan Pengarah DBP, Dayang Hajah Sariyani binti Haji Ishak; para pemakalah

dari dalam dan luar negara, rakan-rakan strategik DBP, para pegawai kanan kerajaan, dan para pencinta bahasa, sastra dan budaya dari dalam dan luar negara. KABSBM dipengerusikan oleh Pegawai Bahasa, DBP Brunei, Dayang Sharyanty binti Haji Md. Sharif.



## MINDA PEMBACA

### Pendidikan, wadah melahirkan generasi bijak berfikir

**P**ENDIDIKAN adalah asas terpenting dalam pembangunan bangsa, agama dan negara. Hanya melalui pendidikan yang berkesan negara akan dapat melahirkan generasi yang bijak berfikir. Hal ini kerana pendidikan itu akan menggalakkan perkembangan ilmu pengetahuan, kemahiran dan memupuk nilai atau moral yang diperlukan untuk mewujudkan bangsa, agama dan negara yang terus membangun. Pendidikan memberikan kita ilmu pengetahuan tentang sekeliling kita tanpa batasan. Ia juga akan mendidik kita untuk membezakan perkara yang

baik atau tidak serta mengambil iktibar atau pengajaran melaluinya. Ilmu yang kita peroleh perlu dimanfaatkan untuk menjadikan diri kita lebih baik dari sebelumnya serta menyumbang kepada kemajuan bangsa, agama dan negara. Melalui pendidikan juga kita akan beroleh kemahiran. Pendidikan kemahiran yang biasanya dimulakan dengan asas teori kemudian disusuli dengan ujian, peperiksaan dan latihan praktikal atau penempatan kerja membolehkan kita mendapat pengalaman berharga untuk bersiap siaga menghadapi dunia kerjaya yang sebenar dalam mengecapi impian atau

cita-cita kita, di samping menyumbang kepada bangsa, agama dan negara. Selain itu, pendidikan juga akan mengajar kita tentang nilai-nilai murni atau moral yang sepatutnya tersemam dalam diri kita sesuai dengan kehendak bangsa, agama dan negara kita. Ia juga bertujuan untuk mendisiplinkan diri kita supaya melakukan sesuatu perkara hendaklah sesuai dengan norma kehidupan bermasyarakat serta mematuhi undang-undang yang ditetapkan di negara ini demi menjaga kedaulatan negara kita sebagai negara berfalsafahkan Melayu Islam Beraja. Kesimpulannya, pendidikan yang

berkesan sememangnya wadah bagi menghasilkan generasi yang bijak berfikir. Ini kerana melalui pendidikan kita akan memperolehi ilmu pengetahuan, iktibar atau pengajaran untuk menjadikan diri kita lebih baik dan peka. Pendidikan juga dapat memberikan kita kemahiran-kemahiran yang diperlukan serta melengkapkan diri kita dengan nilai-nilai murni atau moral yang diperlukan untuk memajukan diri kita dan dapat menyumbang kepada bangsa, agama dan negara.

Nama : Hazman bin Hamidun  
No. K/P : 00-322XXX

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

1. 'Belia Penggerak, Pendukung Pembangunan Negara'. Tarikh Tutup : 8 Jun 2022
2. 'Kebaikan Mengamalkan Budaya Bergotong-royong'. Tarikh Tutup : 15 Jun 2022
3. 'Wakaf Memberikan Kebajikan Kepada Orang Lain'. Tarikh Tutup : 22 Jun 2022

**Terma dan Syarat :**

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerimaan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA  
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan  
Lapangan Terbang Lama, Berakas  
Bandar Seri Begawan, BB3510  
Negara Brunei Darussalam.  
atau melalui

E-mel : [pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)

Menangi  
**BND75**

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

# 15 SISWAZAH UNISSA BERLEPAS KE OSAKA, JEPUN

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

**BERAKAS**, Isnin, 6 Jun. - Seramai 15 Siswazah dari Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) berlepas ke Osaka, Jepun bagi mengikuti Practical Study Abroad di bawah program The Osaka University International Certificate Programme (Halal Science, Technology and Innovation) (OUICP-HaSTI), di sini.

Program ini merupakan kerjasama di antara Osaka University, Jepun dan tiga Institusi Pengajian Tinggi di Negara Brunei Darussalam, termasuk UNISSA.

Melalui program ini, pelajar siswazah akan mengikuti OUICP-HaSTI selama 10 bulan yang telah bermula pada November 2021 dan akan berakhir pada September 2022 ini.

Antara objektif program ini adalah bagi memberi ilmu pengetahuan yang luas mengenai sains dan teknologi untuk inovasi produk dan perkhidmatan halal, di samping dapat memperoleh pengetahuan dan pengalaman praktikal dengan lebih lanjut dalam bidang yang diminati dengan cara berinteraksi dengan para profesional industri di Jepun (terutama daerah majoriti Muslim).

Seterusnya, program ini juga membolehkan pelajar memanfaatkan pembelajaran baharu dan praktikal serta menghubungkan mereka dengan kerjaya atau profesional masa depan dan meningkatkan keyakinan untuk bersaing di pasaran pekerjaan antarabangsa dengan peluang kejayaan yang lebih tinggi.

15 pelajar tersebut, terdiri daripada sembilan pelajar Master of Halal Science di Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban, lima pelajar Master of Islamic Media and Communication Technology dari Fakulti Teknologi Islam dan seorang pelajar Master of Laws (International Law) dari Fakulti Syariah dan Undang-Undang.

Program ini juga merupakan salah satu usaha UNISSA bagi meningkatkan kecemerlangan akademik dan menyokong pelajar yang berpotensi untuk membuat kajian mengenai ilmu Islam dan sains, justeru adalah wajar sekiranya pelajar-pelajar ini ditawarkan kepada mana-mana program yang dapat meningkatkan tahap



SERAMAI 15 Siswazah dari Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) berlepas ke Osaka, Jepun bagi mengikuti Practical Study Abroad di bawah program The Osaka University International Certificate Programme (Halal Science, Technology and Innovation) hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat berlepas kepada rombongan, Rektor UNISSA.

kecemerlangan akademik.

Ini juga merupakan satu penghormatan yang tinggi nilainya kepada pelajar siswazah di UNISSA jika diberi peluang untuk

menyertai program ini.

Turut hadir ke Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB), Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal, Pemangku

Penolong Rektor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Pengiran Dr. Hajah Norkhairiah Pengiran Haji Hashim dan wakil-wakil fakulti lain.

## JPMC - SV tandatangani kontrak



MAJLIS Penandatanganan Kontrak bagi Memperingati Persetujuan Bersama untuk Pusat Serantau SEAMEO VOCTECH, Brunei Darussalam (SV) bagi menyediakan Perkhidmatan Latihan Penjagaan Pelanggan Berkualiti kepada Kakitangan JPMC ditandatangani oleh Bun Pei Ling atas kapasiti beliau sebagai Pemangku Ketua Pegawai Operasi dan Pentadbir Hospital, Chris Carvalho, bagi pihak JPMC dan Alias bin Haji Abu Bakar sebagai Pengarah Pusat dan Timbalan Pengarah Pentadbiran, Pengiran Haji Mohamad Sufri bin Pengiran Ali bagi pihak SV yang disaksikan oleh Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan selaku tetamu kehormat (atas dan bawah).



Siaran Akhbar dan Foto : Pusat Perubatan Jerudong Park

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 7 Jun. - Pusat Perubatan Jerudong Park (JPMC) dan Pusat Serantau SEAMEO VOCTECH, Brunei Darussalam

(SV) mengadakan Majlis Penandatanganan Kontrak bagi Memperingati Persetujuan Bersama untuk SV, bagi menyediakan Perkhidmatan

Latihan Penjagaan Pelanggan Berkualiti kepada Kakitangan JPMC untuk tempoh dua tahun, bermula 1 Jun 2022.

Perjanjian tersebut ditandatangani oleh Bun Pei Ling, atas kapasiti beliau sebagai

Apa yang perlu saya hadapkan di dalam gambar ujian ART untuk dimuat naik dalam aplikasi Bruhealth?



Ujian ART

Sila catit ujian ini adalah bagi hari ke berapa (contoh Hari-1 atau Hari-5)



Bukti menunjukkan tarikh pada hari berkenaan

Pemangku Ketua Pegawai Operasi dan Pentadbir Hospital, Chris Carvalho, bagi pihak JPMC dan Alias bin Haji Abu Bakar sebagai Pengarah Pusat dan Timbalan Pengarah Pentadbiran, Pengiran Haji Mohamad Sufri bin Pengiran Ali bagi pihak SV.

Hadir bagi menyaksikan majlis tersebut, Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad selaku tetamu kehormat.

Dengan perjanjian ini, kedua-dua pihak bersetuju dengan penyediaan program latihan dalam perkhidmatan yang memenuhi keperluan, khusus untuk pekerja hospital dalam semua peringkat kerjaya yang mementingkan pelanggan mereka.

Selaras dengan piawaian kualiti Suruhanjaya Bersama Antarabangsa (JCI) hospital, kerjasama tersebut bertujuan untuk meningkatkan kemahiran perkhidmatan peribadi mereka, memupuk pembangunan profesional dalam penyediaan

pengalaman penjagaan yang cemerlang dan berkualiti tinggi kepada pesakit mereka serta mewujudkan budaya mesra yang menyumbang kepada masyarakat yang makmur, sesuai dengan falsafah Negara Brunei Darussalam, iaitu 'Melayu Islam Beraja (MIB)'.

Dalam kenyataan medianya, JPMC berbangga dalam menjaga kesihatan dan kesejahteraan pelanggannya.

Mereka juga percaya dalam menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang berkualiti kepada semua pesakitnya.

JPMC terkenal secara meluas sebagai satu-satunya hospital pakar swasta dan hospital pertama yang menerima akreditasi oleh JCI sejak 2014.

JPMC dianugerahkan dengan akreditasi kedua oleh JCI pada 2017 dan kemudian pada 2020, sekali gus mengekalkan akreditasi JCI untuk kali ketiga, yang pertama untuk mana-mana institusi kesihatan di negara ini.

# PLATFORM PARA MUALAF, DALAMI, PELAJARI AL-QURAN

■ Berita dan Foto : Saerah Haji Abdul Ghani

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 6 Jun. - Pengarah Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Awang Haji Abd. Rajid bin Haji Mohd. Salleh berkata, sebagai umat Islam kita mestilah mempelajari Al-Quran.

Menurutnya, pandai membaca Al-Quran merupakan satu perkara yang perlu ada pada setiap orang Muslim dalam menentukan kesempurnaan sesuatu ibadah khusus, seperti ibadah sembahyang.

Terdahulu, Awang Haji Abd. Rajid menjelaskan, bahawa Kelas Bimbingan Muallaf adalah merupakan sebagai kelas tambahan yang telah disediakan khusus kepada para muallaf di negara ini bagi memberikan bimbingan

agama Islam yang berterusan iaitu bimbingan sepanjang hayat terutama dalam mempelajari Kitab Suci Al-Quran dan Fardu Ain.

"Maka dengan wujud Kelas Bimbingan Muallaf ini dapat memberikan pendedahan dan sebagai platform kepada para muallaf untuk lebih giat lagi mendalami dan mempelajari Al-Quran," ujar semasa Musabaqah Murattal Al-Quran dan Menghafaz Ayat-Ayat Lazim bagi Muallaf Peringkat Daerah, yang berlangsung di Dewan Persidangan, PDI, di sini.

Dengan adanya musabaqah seumpama ini, tambahnya lagi, merupakan usaha yang sangat bertepatan ke arah

membangunkan golongan muallaf yang konsisten kepada amalan-amalan beragama dan membentuk akhlak yang mulia, menghayati intisari pengajaran yang dibawa oleh Al-Quran supaya dapat dijadikan panduan hidup.

Selain itu juga, katanya, musabaqah seperti ini, dapat memajukan lagi bidang pembelajaran pembacaan Al-Quran di negara ini dan sekali gus dapat melahirkan golongan muallaf yang dekat dengan Al-Quran, yang hidupnya berpandukan kepada Al-Quran, tutur bahasa dan tindak tanduknya berlandaskan kepada ajaran-ajaran Al-Quran yang mulia.

"Lebih-lebih lagi sebagai seorang yang telah memilih agama Islam sebagai

pegangan hidup. Pegangan dan sandaran yang berlandaskan Al-Quran dan As-Sunnah perlu ditanamkan dan dihayati dengan mengambil iktibar, contoh, pengajaran serta teladan daripada pengajaran dan kisah-kisah yang terkandung di dalam Al-Quran yang berkaitan dengan keimanan dan ketakwaan," ujarnya.

Menurutnya lagi, disinilah amalan yang baik dan mulia yang mencerminkan keindahan umat Islam dan boleh dijadikan sebagai salah satu metode dakwah yang berkesan kepada keluarga-keluarga yang belum memeluk agama Islam sebagaimana yang telah dicontohkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.



PENGARAH Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Abd. Rajid bin Haji Mohd. Salleh ketika memberikan ucapan.

## Johan musabaqah bagi muallaf diumumkan



JOHAN bagi Kategori Perempuan Musabaqah Murattal Al-Quran semasa mendengarkan bacaan (kiri). Sementara gambar kanan, penyampaian hadiah dan sijil kepada pemenang-pemenang dan peserta-peserta pertandingan musabaqah anjuran Pusat Da'wah Islamiah (PDI), 1443Hijrah / 2022 Masihi, disampaikan oleh Pengarah PDI.



**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 6 Jun. - Awang Muhammad Saiful Dafi bin Muhammad Suhaimi @ Suandy bin Suhaimi dan Dayang Siti Nur Afiah binti Muhd. Asnawi @ Bong Yick Mei serta Awang Haji Muhammad Nabil Hakim bin Haji Muhammad Nabil Hafizzuddin @ Alexson Anak Ampeling dan Dayang Siti Nur Syahirah binti Muhd. Asnawi @ Bong Yick Hwan @ Vanessa Anne Bong, masing-masing diumumkan johan bagi Musabaqah Murattal Al-Quran dan Menghafaz Ayat-Ayat Lazim bagi Muallaf Peringkat Daerah.

Johan-johan akan mewakili Daerah Brunei dan Muara untuk mara ke Musabaqah Peringkat Negara seterusnya.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan penyampaian hadiah dan sijil kepada pemenang-pemenang dan peserta-peserta pertandingan musabaqah anjuran Pusat Da'wah Islamiah (PDI), 1443 Hijrah / 2022 Masihi, yang berlangsung di Dewan Persidangan, PDI

ialah Pengarah PDI, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh.

Seramai 19 peserta, terdiri daripada lima peserta lelaki dan lima peserta perempuan bagi Kategori Murattal Al-Quran dan empat peserta lelaki dan lima peserta perempuan bagi Kategori Menghafaz Ayat-Ayat Lazim mengikuti pertandingan Musabaqah Peringkat Daerah Brunei dan Muara.

Dalam pertandingan tersebut, peserta lelaki bagi Kategori Murattal Al-Quran memperdengarkan bacaan Surah Al-Mu'minin dan Surah An-Nur sementara Surah Al-Isra' dan Surah Yunus bagi peserta perempuan.

Manakala bagi Kategori Menghafaz Ayat-Ayat Lazim, para peserta lelaki memperdengarkan hafazan bagi Surah Adh-Dhuha, Surah At-Tin, Surah Al-Adiat dan Surah Asy-Syarah, sementara Surah Al-Maun, Surah At-Takasur, Surah Az-Zalzalah dan Surah

Al-Humazah bagi peserta perempuan serta bacaan-bacaan wajib dalam sembahyang.

Objektif utama pertandingan ialah untuk menggalakkan para muallaf agar sentiasa membaca Al-Quran dan memahami bacaan Al-Quran dengan lebih mendalam.

Di samping itu, ia juga bertujuan untuk melahirkan muallaf yang berlumba-lumba untuk meraih ilmu daripada Al-Quran dan seterusnya memperkasa pembacaan serta penghafazan ayat-ayat Al-Quran dan menjadikannya sebagai amalan seharian.

Antara lain tujuan pertandingan diadakan bagi menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Mesyuarat Khas Majlis Ugama Islam (MUIB), di mana baginda menegaskan agar dakwah di negara ini perlu dipertajamkan.

Pertandingan bertujuan untuk

memperlihatkan keberkesanan Kelas-kelas Bimbingan Muallaf bimbingan yang diberikan kepada yang dikendalikan secara para muallaf melalui Skim-skim dan berterusan.

PROTOKOL KESIHATAN COVID-19: DIKEMASKINI 24 MAC 2022

سکتورن کسبھت  
KEMENTERIAN KESIHATAN  
MINISTRY OF HEALTH

### SAYA POSITIF COVID-19

- LAPORKAN**  
Laporkan ART positif dalam BruHealth. Jika awda diuji positif melalui PCR, awda tidak perlu melaporkannya.  
Kod Ungu = HARI KE-1 (D1)
- ASINGKAN DIRI**  
Asingkan diri dengan segera di rumah.
- PEMULIHAN**
  - Lakukan pemeriksaan sendiri setiap hari dalam BruHealth.
  - Jika simptom semakin teruk, dapatkan nasihat doktor. Awda mungkin memerlukan rawatan di pusat pengasingan.
- DISCAJ**
  - Lakukan ART pada Hari ke-6 dan laporkan keputusan dalam BruHealth.
  - Jika negatif, awda boleh didiscaj apabila kod berubah ke warna hijau.
  - Jika positif, lakukan ART setiap hari sehingga negatif atau sehingga Hari ke-10.

Maklumat lanjut: [www.moh.gov.bn](http://www.moh.gov.bn) | [f](#) [t](#) [i](#) [c](#) mohbrunei | 123 | 148



**KEMENTERIAN HAL EHWAL  
DALAM NEGERI**

**Bilangan Tawaran :**  
KHEDN / PPA / DIR(PB) / 2022

**TAWARAN SEBUT HARGA  
BAGI PEMBEKALAN  
PAPER BAG BERSERTA  
LOGO DENGAN PERKATAAN  
'SAMBUTAN ULANG  
TAHUN HARI KEPUTERAAN  
KEBAWAH DULI YANG  
MAHA MULIA PADUKA  
SERI BAGINDA SULTAN DAN  
YANG DI-PERTUAN NEGARA  
BRUNEI DARUSSALAM  
KE-76 TAHUN'**

**Tarikh Tutup :**  
Tidak lewat Rabu, 22 Jun 2022  
jam 2.00 Petang



**JABATAN AUDIT  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**JABATAN AUDIT  
JABATAN PERDANA  
MENTERI**

**Bilangan Sebut Harga :**  
AUD / PKTM / Q&T /  
2022-2023 / 01

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa dari syarikat-syarikat yang mempunyai lesen perniagaan 16 / 17 dan berdaftar dengan Kementerian Pembangunan dalam Kelas S atau Kelas I atau II dalam Kategori S01 dan berkelayakan untuk :

**TAWARAN BAGI  
'24 MONTHS TERM  
CONTRACT FOR CLEANING  
SERVICES AT  
BANGUNAN BAHIRAH,  
JALAN DEWAN MAJLIS,  
BANDAR SERI BEGAWAN,  
BRUNEI DARUSSALAM'**

**Tarikh Tutup :**  
Selasa, 14 Jun 2022,  
jam 2.00 Petang



**JABATAN DAERAH  
BRUNEI DAN MUARA  
KEMENTERIAN HAL EHWAL  
DALAM NEGERI**

**Tawaran Bilangan :**  
JDBM / QSTOR / 001 / 2022

**TAWARAN BAGI MEMBEKAL  
DUA (2) BUAH PERAHU KAYU  
BERUKURAN 28 KAKI (KARGO)  
KE JABATAN DAERAH BRUNEI  
DAN MUARA**

**Tawaran Bilangan :**  
JDBM / QSTOR / 002 / 2022

**TAWARAN SEBUT HARGA  
BAGI PEMBELIAN,  
PENGHANTARAN DAN  
PEMASANGAN SATU (01)  
UNIT ENJIN (UNTUK PERAHU  
KARGO) KEKUATAN 85HP  
(POWER TRIM STD) LENGKAP  
DENGAN PERALATANNYA KE  
JABATAN DAERAH BRUNEI  
DAN MUARA**

**TO SUPPLY, DELIVER, INSTALL,  
TRAIN AND COMMISSION ONE  
(01) UNIT OF 85HP OUTBOARD  
ENGINE (POWERTRIM STD)  
COMPLETE WITH EQUIPMENT  
AND FITTINGS TO JABATAN  
DAERAH BRUNEI DAN MUARA.**

**Tawaran Bilangan :**  
JDBM / QSTOR / 003 / 2022

**MEMBEKALKAN KAYU, KAYU  
PELAPIS DAN CAT BAGI  
MEMBUAT PLATFORM  
JABATAN DAERAH BRUNEI  
DAN MUARA, NEGARA  
BRUNEI DARUSSALAM.**

**Tarikh Tutup :**  
Selasa, 14 Jun 2022,  
jam 12.00 Tengah Hari



**KEMENTERIAN HAL EHWAL  
UGAMA**

**TAWARAN PERKHIDMATAN  
BAGI SEKOLAH ARAB DAN  
SEKOLAH-SEKOLAH UGAMA  
JABATAN PENGAJIAN ISLAM,  
KEMENTERIAN HAL EHWAL  
UGAMA BAGI TEMPOH  
TIGA (03) TAHUN**

**DAERAH TUTONG**

**1) No. Tawaran :**  
KHEU / JPI / KANTIN / 06 / 06

**Nama Sekolah Arab :**  
MA'HAD ISLAM BRUNEI,  
DAERAH TUTONG

**DAERAH BRUNEI DAN MUARA**

**1) No. Tawaran :**  
KHEU / JPI / KANTIN / 16 / 06

**Nama Sekolah Ugama :**  
SEKOLAH UGAMA PENGIRAN  
MUDA ABDUL AZIM,  
KG. SERASA,  
KAWASAN BRUNEI II B

**2) No. Tawaran :**  
KHEU / JPI / KANTIN / 31 / 06

**Nama Sekolah Ugama :**  
SEKOLAH UGAMA LUMAPAS,  
KAWASAN BRUNEI IV

**DAERAH TUTONG**

**1) No. Tawaran :**  
KHEU / JPI / KANTIN / 34 / 06

**Nama Sekolah Ugama :**  
SEKOLAH UGAMA LAMUNIN,  
TUTONG II

**Bayaran :**  
BND5.00  
(Tidak dikenakan bayaran)

**Tarikh Tutup :**  
Rabu, 29 Zulkaedah 1443H /  
29 Jun 2022M



**KEMENTERIAN HAL EHWAL  
UGAMA**

**SYARAT DAN PERATURAN  
SEBUT HARGA**

**Bil :**  
KHEU / PTK / 6 / 2006 PT.29

**TAWARAN PERKHIDMATAN  
MENYEDIAKAN, MEMASANG  
DAN MEMBUKA BILLBOARD  
DAN VERTICAL BANNERS  
MELALUI TAJAAN BAGI TAHUN  
1444H / 2022 - 2023 :**

- MAJLIS SAMBUTAN AWAL  
TAHUN HIJRAH BAGI TAHUN  
1444H
- MAJLIS SAMBUTAN MAULUD  
NABI MUHAMMAD S.A.W.  
PERINGKAT NEGARA BAGI  
TAHUN 1444H
- MAJLIS SAMBUTAN  
PERHIMPUNAN KHAS WANITA  
SEMPENA SAMBUTAN  
MAULUD NABI MUHAMMAD  
SALLALLAHU 'ALAIHI  
WASALLAM PERINGKAT  
NEGARA BAGI TAHUN 1444H
- MAJLIS MUSABAQAH  
MEMBACA AL-QURAN  
BAHAGIAN DEWASA  
PERINGKAT NEGARA BAGI  
TAHUN 1444H
- MAJLIS SAMBUTAN ISRAK  
MIKRAJ PERINGKAT NEGARA  
BAGI TAHUN 1444H BAGI  
TAHUN 1444H
- MAJLIS SAMBUTAN  
NUZUL AL-QURAN  
PERINGKAT NEGARA BAGI  
TAHUN 1444H

**Tarikh Tutup Tawaran :**  
Rabu, 22 Jun 2022M,  
jam 2.00 Petang



**KEMENTERIAN HAL EHWAL  
UGAMA**

**SYARAT DAN PERATURAN  
SEBUT HARGA**

**Bil :**  
KHEU / PTK / 6 / 2006 PT.29

**TAWARAN PERKHIDMATAN  
MEMBEKAL BARANGAN  
KEPERLUAN ANAK DAMIT  
BAGI MAJLIS PEMBERIAN  
HADIAH KEPADA ANAK-ANAK  
DAMIT YANG LAHIR PADA  
1 MUHARRAM 1444 HIJRAH  
SEMPENA SAMBUTAN AWAL  
TAHUN 1444 HIJRAH  
PERINGKAT NEGARA**

**Tarikh Tutup Tawaran :**  
Rabu, 22 Jun 2022M,  
jam 2.00 Petang



**DEWAN BAHASA  
DAN PUSTAKA  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,  
BELIA DAN SUKAN**

**Bilangan Sebut Harga :**  
08 / DBP / SH / 2022-2023

**Tajuk Sebut Harga :**  
PEMBEKALAN DAKWAT BAGI  
ALAT CETAK DEWAN BAHASA  
DAN PUSTAKA,  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,  
BELIA DAN SUKAN

**Bilangan Sebut Harga :**  
09 / DBP / SH / 2022-2023

**Tajuk Sebut Harga :**  
KONTRAK PEMELIHARAAN  
PENGAL (24 BULAN) BAGI  
KERJA-KERJA PERKHIDMATAN  
PEMBERSIHAN BANGUNAN DI  
DEWAN BAHASA DAN  
PUSTAKA (BANGUNAN LETAK  
KERETA, JALAN RAYA DAN  
KAWASAN) DI JALAN  
PEMBANGUNAN,  
LAPANGAN TERBANG LAMA  
BERAKAS BB3510,  
NEGARA BRUNEI  
DARUSSALAM

**Harga Borang Tawaran :**  
BND10.00  
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup Sebut Harga :**  
Selasa, 21 Jun 2022



**JABATAN PERIKANAN  
KEMENTERIAN SUMBER-  
SUMBER UTAMA DAN  
PELANCONGAN**

**PEMBERITAHUAN TAWARAN**

**Bilangan Tawaran :**  
JPI / 5 / 2022

**Tajuk Tawaran :**  
SITE SUITABILITY STUDY  
AND MASTERPLAN  
FOR AQUACULTURE  
DEVELOPMENT AT  
KAMPUNG PARIT,  
MUKIM AMO,  
TEMBURONG DISTRICT,  
NEGARA BRUNEI  
DARUSSALAM

1. TAWARAN hendaklah  
dialamatkan dan dimasukkan  
kepada :

**Pengerusi**

Lembaga Tawaran Kecil  
Peti Lembaga  
Tawaran Kecil  
Kementerian Sumber-Sumber  
Utama dan Pelancongan  
Tingkat Bawah  
Bangunan Kementerian  
Sumber-Sumber Utama  
dan Pelancongan  
Jalan Menteri Besar  
BB3910  
Negara Brunei Darussalam

2. Tawaran hendaklah dihantar  
tidak lewat pada **Selasa,  
28 Jun, jam 2.00 Petang.**  
Tawaran yang lewat diterima  
dari tarikh dan masa yang  
ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Tawaran hendaklah dihantar  
dalam sampul surat yang  
tertutup tanpa menunjukkan  
identiti atau logo pembekal /  
pemborong, ditulis atas sebelah kiri  
sampul surat :

**Tawaran Bagi :**

**SITE SUITABILITY STUDY**

**AND MASTERPLAN FOR  
AQUACULTURE  
DEVELOPMENT AT  
KAMPUNG PARIT,  
MUKIM AMO,  
TEMBURONG DISTRICT,  
NEGARA BRUNEI  
DARUSSALAM**

**Bilangan Tawaran :**  
JPI / 5 / 2022

**Tarikh Tutup Tawaran :**  
Selasa, 28 Jun 2022,  
jam 2.00 Petang





**MAHKAMAH TINGGI  
NEGARA BRUNEI  
DARUSSALAM**

**DI DALAM MAHKAMAH BESAR  
DI NEGARA BRUNEI  
DARUSSALAM  
BANDAR SERI BEGAWAN**

**NOTIS MENGENAI  
PEMBAYARAN  
KOMPOSISI TERAKHIR**

**KES NO. BCY / CP / 640 / 2012**

Nama Penghutang - Haji Norariffin bin Haji Abdullah (No.: 00-121641), Alamat - No. 1, Simpang 44-15, Jalan Binglu Tengah, RPN Tanah Jambu BU2929, Mukim Mentiri, Brunei Darussalam. **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan No. 640 of 2012. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 67.9 sen. **Pertama atau terakhir selainnya** - Terakhir **Bila Kena Dibayar** - 30 Mei 2022. Di Mana Kena Bayar - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei

Darussalam.

**Tarikh:**  
**23 Mei 2022**

**NOTIS MENGENAI  
PEMBAYARAN KOMPOSISI  
TERAKHIR**

**KES NO. BCY / CP / 622 / 2012**

Nama Penghutang - Haji Manoh bin Haji Hassan (No. 00-128070) Alamat - No.27, Jalan 99, Kg Perpindahan Lambak Kanan, Brunei Darussalam. **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan No. 622 of 2012. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 100 sen. **Pertama atau terakhir selainnya** - Terakhir **Bila Kena Dibayar** - 25 Mei 2022. Di Mana Kena Bayar - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh:**  
**18 Mei 2022**

**NOTIS MENGENAI  
PEMBAYARAN KOMPOSISI  
TERAKHIR**

**KES NO. BCY / CP / 50 / 2012**

Nama Penghutang - Pg Shari bin

Pg Hj Tengah (No.: 00-073579). **Alamat** - No.9, Simpang 48-36-6, Jalan 99, Standard House RPN Rimba, Brunei Darussalam. **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan No. 50 of 2012. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 100 sen. **Pertama atau terakhir selainnya** - Terakhir **Bila Kena Dibayar** - 30 Mei 2022. Di Mana Kena Bayar - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh:**  
**28 Mei 2022**

**NOTIS MENGENAI  
PEMBAYARAN  
KOMPOSISI TERAKHIR**

**KES NO. BCY / CP / 246 / 2011**

Nama Penghutang - Dk Hjh Norliha binti Pg Hj Aliuddin (No.: 00-064135). **Alamat** - No. 482, Kampung Pelambayan, Jalan Kota Batu, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam. **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan No. 246 of 2011. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 100 sen. **Pertama atau terakhir selainnya** - Terakhir **Bila Kena Dibayar** - 30 Mei 2022.

**Di Mana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh:**  
**23 Mei 2022**

**NOTIS MENGENAI  
PEMBAYARAN  
KOMPOSISI TERAKHIR**

**KES NO. BCY / CP / 196 / 2013**

Nama Penghutang - Dyg Jaunah binti Hj Duraman (No.: 00-115148), **Alamat** - No. 73-D, Kampong Bolkih A, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam. **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan No. 196 of 2013. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 100 sen. **Pertama atau terakhir selainnya** - Terakhir **Bila Kena Dibayar** - 30 Mei 2022. Di Mana Kena Bayar - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh:**  
**23 Mei 2022**

**MUHD MUZAKKIR  
BIN HAJI ZAKARIA  
Timbalan Pegawai**

**Penerima Rasmi,  
B/P Penerima Rasmi  
Mahkamah Besar  
Negara Brunei Darussalam**

**NOTIS MENGENAI DIVIDEND  
TERAKHIR**

**KES NO. BCY / CP / 174 / 2014**

Nama Penghutang - Edyno Hasofianto bin Haji Hashim (No.: 00-256554) **Alamat** - No.34, Simpang 53, Jalan Parak RPN Kampong Panaga, Seria, Kuala Belait, Brunei Darussalam. **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan No. 174 of 2014. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 100 sen. **Pertama atau terakhir selainnya** - Terakhir **Bila Kena Dibayar** - 18 Mei 2022. Di Mana Kena Bayar - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh:**  
**18 Mei 2022**

**MOHAMMAD MARZUQI  
BIN SABTU  
Timbalan Pegawai  
Penerima Rasmi,  
Mahkamah Besar  
Negara Brunei Darussalam**



**MAHKAMAH TINGGI  
NEGARA BRUNEI  
DARUSSALAM**

**DI DALAM MAHKAMAH TINGGI  
NEGARA BRUNEI  
DARUSSALAM  
DI BANDAR SERI BEGAWAN**

**KES NO. BCY / CP / 60 / 2021**

**PERBADANAN TABUNG  
AMANAH ISLAM BRUNEI  
- Pemiutang Penghakiman /  
Pemetisyen**

**NORHASIDAH  
BINTI HAJI HIDUP / ALI NORDIN  
(BYIC No. 00-302518)  
- Penghutang Penghakiman /  
Penentang**

**NOTIS KEPADA  
PEMIUTANG UNTUK  
PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 3 Mac 2022.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Tingkat 1 (R1-6)**, Mahkamah Besar pada **20 Jun 2022, jam 10.00 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada **20 Jun 2022, jam 10.00 Pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan

awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

**Bertarikh:**  
**16 Mei 2022**

**KES NO. BCY / CP / 60 / 2021**

**PERBADANAN TABUNG  
AMANAH ISLAM BRUNEI  
- Pemiutang Penghakiman /  
Pemetisyen**

**TAMPOI  
BINTI AWG HAJI DAMIT  
(BYIC No. 00-045802)  
- Penghutang Penghakiman /  
Penentang**

**NOTIS KEPADA  
PEMIUTANG UNTUK  
PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 3 Mac 2022.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Tingkat 1, Bilik (R1-6)** Mahkamah Besar pada **20 Jun 2022 jam 10.00 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada **20 Jun 2022 jam 10.00 Pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

**Bertarikh:**  
**16 Mei 2022**

**KES NO. BCY / CP / 179 / 2021**

**BIBD AT-TAMWIL BERHAD  
- Pemiutang Penghakiman /  
Pemetisyen**

**MOHAMAD AZRY  
BIN HJ MOHD DINAINAH  
(BYIC No. 00-304978)  
- Penghutang Penghakiman /  
Penentang**

**NOTIS KEPADA  
PEMIUTANG UNTUK  
PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 24 Mac 2022.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Tingkat 1, Bilik (R1-6)** Mahkamah Besar pada **20 Jun 2022 jam 10.30 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada **20 Jun 2022 jam 10.30 Pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

**Bertarikh:**  
**16 Mei 2022**

**KES NO. BCY / CP / 193 / 2021**

**BANK ISLAM BRUNEI  
DARUSSALAM BERHAD  
- Pemiutang Penghakiman /  
Pemetisyen**

**ELVIN SAGING LUKHA  
ANAK JAMIT  
(BYIC No. 00-310046)  
- Penghutang Penghakiman /**

**Penentang**

**NOTIS KEPADA  
PEMIUTANG UNTUK  
PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 3 Februari 2022.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Tingkat 1 Bilik (R1-6)**, Mahkamah Besar pada **20 Jun 2022, jam 9.30 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang ditetapkan pada **20 Jun 2022, jam 9.30 Pagi di Mahkamah Besar**.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil yang diberi kuasa secara bertulis, menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal dan juga sebab kegagalan.

**Bertarikh:**  
**16 Mei 2022**

**KES NO. BCY / CP / 228 / 2021**

**BANK ISLAM BRUNEI  
DARUSSALAM BERHAD  
- Pemiutang Penghakiman /  
Pemetisyen**

**AZRUL BIN TAHIR  
(BYIC No. 00-274528)  
- Penghutang Penghakiman /  
Penentang**

**NOTIS KEPADA  
PEMIUTANG  
UNTUK  
PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 19 Mac 2022.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Tingkat 1, Bilik (R1-6)** Mahkamah Besar pada **6 Jun 2022 jam 10.30 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada **6 Jun 2022 jam 10.30 Pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

**Bertarikh:**  
**16 Mei 2022**

**KES NO. BCY / CP / 270 / 2020**

**PERBADANAN TABUNG  
AMANAH ISLAM BRUNEI -  
Pemiutang Penghakiman /  
Pemetisyen**

**HAMDANI BIN MADIL  
(BYIC No. 00-120469 )  
- Penghutang Penghakiman /  
Penentang**

**NOTIS KEPADA  
PEMIUTANG UNTUK  
PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 3 Februari 2022.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Tingkat 1, Bilik (R1-6)** Mahkamah Besar pada **20 Jun 2022 jam 9.00 Pagi**.


**JABATAN DAERAH BELAIT  
KEMENTERIAN HAL EHWAL  
DALAM NEGERI**

**Bilangan Tawaran :**  
JDB / 1.1 / KHEMAH MAJLIS  
RAMAH MESRA SERTA  
KELENGKAPAN / A / 2022

**Tajuk Tawaran :**  
MEMBEKAL DAN MEMASANG  
KHEMAH MAJLIS RAMAH  
MESRA SERTA KELENGKAPAN  
BAGI MAJLIS  
KEBERANGKATAN KEBAWAH  
DULI YANG MAHA MULIA  
PADUKA SERI BAGINDA  
SULTAN DAN YANG  
DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI  
DARUSSALAM BERCEMAR  
DULI DAN RAMAH MESRA  
DENGAN RAKYAT DAN  
PENDUDUK DAERAH BELAIT

**Bilangan Tawaran :**  
JDB / 2.1 / KHEMAH JAMUAN  
SERTA KELENGKAPAN / B /  
2022

**Tajuk Tawaran :**  
MEMBEKAL DAN MEMASANG  
KHEMAH JAMUAN SERTA  
KELENGKAPAN BAGI MAJLIS  
KEBERANGKATAN KEBAWAH  
DULI YANG MAHA MULIA  
PADUKA SERI BAGINDA

**SULTAN DAN YANG  
DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI  
DARUSSALAM BERCEMAR  
DULI DAN RAMAH MESRA  
DENGAN RAKYAT DAN  
PENDUDUK DAERAH BELAIT**

**Bilangan Tawaran :**  
JDB / 3.2 / KHEMAH JAMUAN  
SERTA KELENGKAPAN / C /  
2022

**Tajuk Tawaran :**  
MEMBEKAL DAN MEMASANG  
KHEMAH JAMUAN SERTA  
KELENGKAPAN BAGI MAJLIS  
KEBERANGKATAN KEBAWAH  
DULI YANG MAHA MULIA  
PADUKA SERI BAGINDA  
SULTAN DAN YANG  
DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI  
DARUSSALAM BERCEMAR  
DULI DAN RAMAH MESRA  
DENGAN RAKYAT DAN  
PENDUDUK DAERAH BELAIT

**Bilangan Tawaran :**  
JDB / 4.1 / PERHIASAN BUNGA  
/ D / 2022

**Tajuk Tawaran :**  
MEMBEKAL PERHIASAN  
BUNGA BAGI MAJLIS  
KEBERANGKATAN KEBAWAH  
DULI YANG MAHA MULIA  
PADUKA SERI BAGINDA  
SULTAN DAN YANG  
DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI  
DARUSSALAM BERCEMAR  
DULI DAN RAMAH MESRA  
DENGAN RAKYAT DAN  
PENDUDUK DAERAH BELAIT

**Bilangan Tawaran :**  
JDB / 4.2 / KHEMAH  
PERUBATAN & KESELAMATAN  
SERTA KELENGKAPAN / D /  
2022

**Tajuk Tawaran :**  
MEMBEKAL DAN MEMASANG  
KHEMAH PERUBATAN &  
KESELAMATAN SERTA  
KELENGKAPAN BAGI MAJLIS  
KEBERANGKATAN KEBAWAH  
DULI YANG MAHA MULIA  
PADUKA SERI BAGINDA  
SULTAN DAN YANG  
DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI  
DARUSSALAM BERCEMAR  
DULI DAN RAMAH MESRA  
DENGAN RAKYAT DAN  
PENDUDUK DAERAH BELAIT

**Yuran Tawaran :**  
BND10.00  
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup :**  
Selasa,  
21 Jun 2022


**JABATAN KERJA RAYA  
KEMENTERIAN  
PEMBANGUNAN**

**DIBUKAKAN KEPADA  
PEMBORONG-PEMBORONG  
YANG BERDAFTAR DENGAN  
KEMENTERIAN  
PEMBANGUNAN DI DALAM**

**Kelas :**  
OPEN

**Kategori :**  
[B01 - KOD BAHARU]

**Bilangan Tawaran :**  
JKR / DTS / 10 / CQS /  
2022 - T / II

**Nama Projek :**  
KERJA-KERJA MENAIK TARAF  
BANGUNAN GALERI SENI,  
BANDAR SERI BEGAWAN -  
ADDITIONAL WORKS

**>> Muka 15**

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada 20 Jun 2022 jam 9.00 pagi di Mahkamah Besar.

**Tarikh Akhir Mengambil  
Dokumen Tawaran Pada :**  
14 Jun 2022 (Selasa)

**Tarikh Tutup Tawaran Pada :**  
21 Jun 2022  
(Selasa)  
Tidak lewat dari  
jam 2.00 Petang.

**Yuran Tawaran :**  
BND30.00  
(Tidak dikembalikan)

**Yuran E-Dokumen :**  
-



Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab keagalannya.

**Bertarikh :**  
16 Mei 2022

**NUUROR-RAHEEBAH  
BINTI HAJI ABD WAHAB**  
Timbalan Pegawai  
Penerima Rasm  
B/p Pegawai Penerima Rasm  
Mahkamah Besar


**JABATAN ALAM SEKITAR,  
TAMAN DAN REKREASI  
KEMENTERIAN  
PEMBANGUNAN**

**DIBUKAKAN KEPADA  
PEMBORONG-PEMBORONG  
YANG BERDAFTAR DI  
NEGARA BRUNEI  
DARUSSALAM**

**Kelas :**  
II, III, IV, V & KPB12

**Tarikh Buka Tawaran :**  
Rabu, 1 Jun 2022

**Tarikh Akhir Mengambil  
Dokumen Tawaran :**  
Selasa,  
21 Jun 2022

**Tarikh Tutup Pada :**  
Selasa, 28 Jun 2022  
sebelum jam 2.00 Petang

**JASTRE / BTR / T010 / 2022**

**PENYELENGGARAAN  
LANDSKAP DAN  
KEMUDAHAN - KEMUDAHAN  
TAMAN DI TAMAN  
REKREASI MENTERI BESAR  
BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN**

**No. Projek :**  
JASTRE / BTR / T010 / 2022  
**Jumlah Yuran Tawaran :**  
BND30.00 (Tidak dikembalikan)


**JABATAN KERJA RAYA  
KEMENTERIAN  
PEMBANGUNAN**

**DIBUKAKAN KEPADA  
PEMBORONG YANG BERDAFTAR  
DENGAN KEMENTERIAN  
PEMBANGUNAN DI DALAM**

**Kelas :**  
III, IV & V SAHAJA

**Kategori :**  
KA01 SAHAJA

**Bilangan :**  
JKR / DDS008 / 2022-(SEW).T.IV

**Nama Projek :**  
KONTRAK BERPENGAL 2  
TAHUN BAGI PENYEDIAAN  
PENYAMBUNGAN  
PEMBENTUNGAN DAN  
LURANG-LURANG LOT DI  
DAERAH BRUNEI-MUARA,  
TUTONG DAN TEMBURONG

**Tarikh Akhir Mengambil  
Dokumen Tawaran :**  
Selasa, 28 Jun 2022

**Tarikh Tutup Tawaran :**  
Tidak lewat Selasa,  
12 Julai 2022,  
tidak lewat jam 2.00 Petang

**Yuran Tawaran :**  
BND500.00

**Yuran E-DOKUMEN :**  
N/A


**JABATAN KERJA RAYA  
KEMENTERIAN  
PEMBANGUNAN**

**DIBUKAKAN KEPADA  
PEMBORONG-PEMBORONG  
YANG BERDAFTAR DENGAN  
KEMENTERIAN  
PEMBANGUNAN DI DALAM**

**Kelas :**  
II & III SAHAJA

**Kategori :**  
B01 SAHAJA

**Bilangan :**  
JKR / DBSBM005 / 2022

**Nama Projek :**  
KERJA-KERJA PEMBAIKAN DI  
BANGUNAN DEWAN BANKUET,  
POLIS HQ GADONG JKR  
NO.2738 (RETENDER)

**Tarikh Akhir Mengambil  
Dokumen Tawaran :**  
Selasa,  
21 Jun 2022

**Tarikh Tutup Tawaran :**  
Tidak lewat Selasa,  
5 Julai 2022,  
tidak lewat jam 2.00 Petang

**Yuran Tawaran :**  
BND30.00  
(Tidak dikembalikan)


**PERATURAN  
PENGIKLANAN**

(SEKTOR AWAM / KERAJAAN)

DI PELITA BRUNEI



IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan TIDAK kurang dari dua (2) minggu sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca juga menggunakan Microsoft Word dengan Font ARIAL saiz 12.



Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh dijangka terbit, kekerapan terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :

[iklan.pbeinformation.gov.bn](mailto:iklan.pbeinformation.gov.bn)

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :  
**+673 8622969**

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.



# PAMERAN KERJAYA UBD, 16 HINGGA 18 JUN

■ **Siaran Akhbar : Universiti Brunei Darussalam**

**TUNGKU LINK**, Isnin, 6 Jun. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) akan menganjurkan Pameran Kerjaya UBD 2022 dari 16 hingga 18 Jun ini, bermula jam 8.30 pagi hingga 4.30 petang dan tutup pada jam 12.00 tengah hari hingga 2.00 petang, pada Jumaat.

Acara selama tiga hari ini akan dilaksanakan secara fizikal dan para pengunjung adalah digalakkan untuk mematuhi S.O.P serta garis panduan yang disarankan oleh Kementerian Kesihatan.

Pameran Kerjaya UBD 2022 menyediakan platform kepada kumpulan sasaran, iaitu pelajar UBD, alumni dan orang ramai untuk melibatkan diri dengan para majikan yang akan mengambil bahagian dalam acara tersebut.

Antara aktiviti yang akan diadakan ialah sesi temu duga berjadual dan semakkan Curriculum Vitae (CV) serta sesi khidmat nasihat oleh panduan kerjaya UBD.

Acara tahunan ini dianjurkan oleh Pusat Rangkaian, Pekerjaan dan Latihan Kerjaya UBD (UBD coNECT), dengan sokongan dari Pejabat Perhubungan Alumni dan Kemajuan (UBD OARA).

Ia bertujuan untuk mengukuhkan lagi kerjasama antara UBD dengan rakan kongsi industri bagi meningkatkan peluang pemasaran pelajar-pelajar dan graduan sambil merapatkan jurang jangkaan industri dengan bakal Graduan UBD sedia ada.

Acara itu menjangkakan penyertaan dari pelbagai industri daripada institusi pendidikan, makanan dan minuman, komunikasi, kesihatan, dan beberapa agensi kerajaan, yang akan menawarkan pelbagai peluang pekerjaan dan temu duga secara langsung untuk kekosongan sepenuh masa dan sambilan serta penempatan sambil belajar.

Aktiviti pra-acara yang terdiri daripada Ceramah Kerjaya dan Bengkel Kerjaya yang menampilkan pakar industri, yang akan diadakan pada 9 Jun 2022 adalah terbuka kepada orang ramai.

Aktiviti-aktiviti ini akan memberi peluang kepada pelajar, alumni dan pencari kerja untuk memperoleh pengetahuan tentang membangunkan keperluan besar kerjaya hari ini, seperti CV dan menulis surat, kemahiran komunikasi dan temu bual serta kemahiran penyampaian. Untuk mendaftar bagi aktiviti ini, orang ramai boleh melayari <https://bio.link/ubdconnect>.

Dua jenis pendaftaran akan disediakan pada Pameran Kerjaya UBD, iaitu pendaftaran pada hari acara dan pra-pendaftaran melalui talian.

Para pelawat boleh menjimatkan masa dari pendaftaran jika memilih secara dalam talian, di <https://bit.ly/cfvisitorform>. Sebarang maklumat lanjut mengenai bolehlah melayari di laman sosial Instagram, @ubd.connect.



## KANAK-KANAK YANG DIJANGKITI COVID-19



SCAN ME

<https://bit.ly/3pmKocp>



## Kenali Bahasa Brunei

**Baina** bermaksud berhati-hati dan bersungguh-sungguh dalam membuat sebarang pekerjaan.  
Contoh pemakaian kata : tapakai kucaranya bakaraja, **baina** iatah bisai bagas tangannya.

**Babakai** bermaksud

1. Meniarap sambil bergerak maju, tentang kanak-kanak kecil.

Contoh pemakaian kata : ingat-ingati adimu atas katil itu, ia pandai udah **babakai**, takut baguring ka bawah.

2. Kiasan berikhtiar atau berusaha untuk mendapatkan keperluan hidup.

Contoh pemakaian kata : ia **babakai** ka sana ka mari, ka laut mengambil lauk, ka kabun batanam-tanaman, rasakan mambasarkan anak-anaknya itu.

SUMBER : DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN



## KAMPUNG MULAUT



Foto : Hamzah Mohidin

## Ayam Grill Si Manis Tomato

**Bahan-bahan :**

2 ketul ayam (*thigh part*)\*  
2 biji bawang besar\*  
4 ulas bawang putih\*  
2 sudu teh minyak zaiton\*  
2 ke 4 potong halia\*  
2 sudu teh lada hitam\*  
2 sudu teh sos tiram\*  
3 biji tomato (2 biji yg besar & 1 biji yang kecil)\*  
2 tangkai cili merah\*  
Garam secukup rasa\*

Ajinomoto secukup rasa\*  
Serbuk Maggi Secukup Rasa\*  
Madu  
Sedikit air

5 minit, suhu 150°.

**Cara memasak :**

Masukkan ayam satu per satu ke dalam *air fryer* dan masak selama 15 ke 25 minit dengan suhu 180°. Terbalikkan ayam pada masa dan suhu yang sama.

Setelah masak, sapukan madu pada ayam hingga rata dan potong tomato (sehalusnya) untuk hiasan di atas ataupun di tepi.

**Cara menyediakan :**

Kisar semua bahan-bahan yang bertanda\*.  
Kemudian, lumurkan pada ayam dan tinggalkan selama sejam.  
Panaskan *air fryer* dalam masa

# PENUTUPAN SEMENTARA SEPARUH JALAN



**PENUTUPAN** separuh jalan (kedua-dua jalan jika perlu) satu hala di sepanjang Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha bermula dari lampu isyarat Telanai (Simpang 444) sehingga Jambatan Edinburgh.

**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Kerja Raya**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 7 Jun. - Jabatan Kerja Raya (JKR), Kementerian Pembangunan ingin memaklumkan kepada orang ramai terutama kepada pengguna-pengguna jalan raya mengenai penutupan separuh jalan (kedua-dua jalan jika perlu) satu hala di sepanjang Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha bermula dari lampu isyarat Telanai (Simpang 444) sehingga Jambatan Edinburgh.

Penutupan berkenaan, yang mula dilaksanakan pada 7 Jun 2022 (selama satu bulan) bermula jam 9.00 malam sehingga jam 4.00 pagi (tertakluk keadaan cuaca), adalah untuk memberi laluan bagi kerja-kerja pemotongan dan pencantasan pokok di sepanjang jalan berkenaan (rujuk peta).

Sehubungan itu, pihak JKR ingin mengingatkan kepada para

pengguna jalan raya untuk sentiasa berhati-hati apabila melalui kawasan tersebut di samping mematuhi tanda-tanda lalu lintas dan mematuhi had laju yang dibenarkan demi mengelakkan perkara-perkara yang tidak diingini.

Sebarang aduan, orang ramai bolehlah menghubungi pihak JKR melalui Talian Darussalam, 123 / Livechat +6738333123, Facebook, *Jabatan Kerja Raya, Brunei Darussalam* dan e-mel di [pro@pwd.gov.bn](mailto:pro@pwd.gov.bn).

## Padah melanggar akta imigresen



**ANTARA** warganegara asing yang ditahan kerana bekerja menggunakan jaminan pas lawatan dan bekerja tidak mengikut apa yang tercatat di dalam pas kerjanya.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 7 Jun. - Operasi Tumpas JIPK 40/2022 dijalankan oleh Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran

Kebangsaan (JIPK) Bandar Seri Begawan yang menyasarkan rumah-rumah dan bilik-bilik sewa di Mukim Pengkalan Batu, Mukim Kianggeh dan Mukim Lumapas.

Sewaktu pemeriksaan dijalankan di lokasi sasaran, seramai 17 pegawai bahagian Penguatkuasa Undang-Undang - Undang JIPK menjalankan pemeriksaan di beberapa buah rumah dan bilik sewa, di tiga buah mukim, di Daerah Brunei dan Muara.

Hasil dari operasi yang dibuat ke atas warganegara asing tersebut, dua lelaki warganegara asing diarahkan melapor diri ke bahagian Penguatkuasa Undang-Undang JIPK.

Manakala lima ditahan atas beberapa kesalahan, di bawah Akta dan Peraturan Imigresen Penggal 17, iaitu tinggal lebih masa setelah pas imigresennya mansuh,

## 2 pesalah imigresen ditahan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 7 Jun. - Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) Bandar Seri Begawan menjalankan Operasi Tumpas JIPK 39/2022, yang menyasarkan Projek penambahbaikan rumah di Mukim Berakas 'A'.

Sewaktu pemeriksaan dijalankan di lokasi sasaran, seramai tujuh pegawai bahagian Penguatkuasa Undang-Undang - Undang JIPK menjalankan pemeriksaan di sebuah rumah persendirian yang sedang menambah rumah, yang dilakukan oleh warga asing.

Hasil daripada operasi yang dibuat ke atas warganegara asing tersebut, dua lelaki warganegara asing ditahan dan dibawa ke Bahagian Penguatkuasa

Undang-Undang JIPK atas beberapa kesalahan, di bawah Akta dan Peraturan Imigresen Penggal 17, iaitu bekerja menggunakan jaminan pas lawatan dan seorang lagi juga dipercayai tinggal lebih masa adalah menjadi kesalahan bagi seorang warga asing yang tinggal di negara ini setelah pas imigresennya mansuh.

Kesalahan bagi pas imigresen yang mansuh boleh dipenjarakan tidak kurang tiga bulan dan tidak melebihi dua tahun dan sebat tidak kurang daripada tiga kali sebatan.

Nama-nama mereka akan disenaraihitamkan di Negara Brunei Darussalam, manakala majikan yang mengambil, menggaji pesalah imigresen boleh dikenakan denda sebanyak BND3,000 bagi setiap seorang pesalah imigresen.

Sehubungan itu, Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang JIPK terus meningkatkan aktiviti penguatkuasaan di negara ini dengan melaksanakan secara berterusan pemantauan, operasi dan pemeriksaan secara bersendirian atau bersepadu dengan agensi penguatkuasaan yang lain.

Sementara itu, penguat kuasa juga mengingatkan kepada orang ramai, bahawa memberi pekerjaan atau menggaji mana-mana pesalah imigresen adalah menjadi kesalahan, di mana boleh diambil tindakan undang-undang.

Ke arah aktiviti penguatkuasaan tersebut, jabatan ini mengalukan orang ramai bagi sama-sama memberikan maklumat berhubung dengan pesalah imigresen.

## 2 pekerja lari daripada majikan

**Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei**



**DIAN** Mardiansah yang berusia 26 tahun dengan nombor pasport, C7681309.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 7 Jun. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) dalam kenyataan yang dikeluarkan memaklumkan, bahawa dua laporan dibuat di Balai Polis Berakas dan Balai Polis Bandar Seri Begawan untuk mengesan dua orang pekerja dipercayai lari daripada majikan.

Menurut kenyataan berkenaan, laporan tersebut adalah mengenai seorang pekerja lelaki, Dian Mardiansah, berusia 26 tahun, dengan nombor pasport,



**ANIS** Safitri Okta yang berusia 23 tahun dengan nombor pasport, C7200512.

C7681309 dan seorang pekerja perempuan, Ania Safitri Okta, berusia 23 tahun, dengan nombor pasport C7200512.

Sehubungan itu, PPDB memohon kerjasama dan bantuan orang ramai seperti yang tersebut di atas.

Jika terdapat sebarang maklumat mengenainya, sila hubungi ke Balai Polis Berakas menerusi talian +673 2330410 atau Balai Polis BSB menerusi talian +673 2242334 atau Talian Kecemasan Polis 993 atau mana-mana Balai Polis berdekatan.

**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan**

melindungi pesalah imigresen, masuk ke negara ini secara tidak sah, bekerja menggunakan jaminan pas lawatan dan bekerja tidak mengikut apa yang tercatat di dalam pas kerjanya.

Sehubungan itu, Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang JIPK terus meningkatkan aktiviti penguatkuasaan di negara ini dengan melaksanakan secara berterusan pemantauan, operasi dan pemeriksaan secara bersendirian atau bersepadu dengan agensi penguatkuasaan yang lain.

Sementara itu, penguat kuasa juga mengingatkan kepada

orang ramai, bahawa memberi pekerjaan atau menggaji mana-mana pesalah imigresen adalah menjadi kesalahan, di mana boleh diambil tindakan undang-undang.

Ke arah aktiviti penguatkuasaan tersebut, jabatan ini mengalukan orang ramai bagi sama-sama memberikan maklumat berhubung dengan pesalah imigresen.

Sebarang maklumat dan nama pemberi maklumat akan dirahsiakan sepenuhnya dengan menghubungi Talian Hotline JIPK menerusi talian +673 8734888 atau +673 8753888.



**PEKERJA** asing telah ditahan semasa Operasi Tumpas JIPK 39/2022 dijalankan yang menyasarkan Projek penambahbaikan rumah di Mukim Berakas 'A'.

Sebarang maklumat dan nama pemberi maklumat akan dirahsiakan sepenuhnya dengan menghubungi Talian Hotline JIPK menerusi talian +673 8734888 atau +673 8753888.

## DEKATI MASYARAKAT DALAM PROGRAM SUA MUKA



JABATAN Penerangan, melalui Cawangan Penerangan Daerah Tutong mengadakan Program Sua Muka bagi Kampung Bukit Udal, Mukim Tanjung Maya, yang diadakan di Balai Raya Kampung Bukit Udal.

Oleh : Dk. Vivv Malessa Pg. Ibrahim  
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

**TUTONG**, Selasa, 7 Jun. - Dalam usahanya untuk menyampaikan maklumat mengenai isu-isu semasa dan dasar kerajaan serta dalam masa yang sama untuk menerima maklum balas yang perlu diambil perhatian dan tindakan oleh agensi-agensi kerajaan yang berkenaan, Jabatan Penerangan, melalui Cawangan Penerangan Daerah Tutong mengadakan Program Sua Muka bagi Kampung Bukit Udal, Mukim Tanjung Maya, yang diadakan di Balai Raya Kampung Bukit Udal, di sini.

Pemangku Pengarah Penerangan, Dayang Siti Bismi Nuruliman binti Awang Emzah antara lain mengongsikan mengenai penyebaran maklumat

palsu di era digital yang tular dengan begitu cepat melalui pelbagai aplikasi, seperti WhatsApp, WeChat, Facebook, Twitter dan Instagram yang menyebabkan orang ramai berasa takut dan cemas.

Justeru beliau turut mengongsikan beberapa cara bagaimana mengenal pasti ciri-ciri berita palsu.

Menurut beliau lagi, apa yang lebih membimbangkan maklumat palsu dan berunsur fitnah itu diterima bulat-bulat tanpa merujuk kepada sumber yang sahih dan kemudiannya menjadi tular sehingga boleh menjejaskan keharmonian masyarakat dan keselamatan negara.

Malah menyebarkan berita palsu

boleh membawa kepada tindakan di bawah perundangan, Penggal 148 Akta Ketenteraman Awam Seksyen 34, iaitu barang siapa sama ada melalui lisan atau tulisan atau apa cara sekalipun telah menyebarkan maklumat palsu atau membuat kenyataan palsu yang boleh menggemparkan atau menimbulkan keadaan cemas kepada pihak awam boleh didakwa dan dihukum penjara hingga tiga tahun atau denda BND3000.

Beliau berkata lagi, sesiapa sahaja melakukan atau mencuba untuk melakukan atau menyediakan atau bersubahat untuk menjalankan hasutan; menggunakan perkataan yang merupakan hasutan; mencetak, menyiarkan, menjual, menawarkan untuk menjual, mengedarkan atau mencetak semula sebarang hasutan; serta membawa masuk



sebarang warta yang berbentuk hasutan, kecuali dia tidak mempunyai sangkaan, bahawa ia berbentuk hasutan, maka mereka yang melakukan kesalahan-kesalahan ini boleh dikenakan hukuman penjara sehingga dua tahun dan denda BND5000, seperti yang dinyatakan pada Akta serta Penggal 24 Akta Hasutan Seksyen 4 (1).

Program diteruskan dengan sesi dialog mengenai isu-isu yang dibangkitkan oleh penduduk kampung berkaitan dengan prasarana dan kemudahan awam.

Turut sama dalam sesi dialog berkenaan adalah para pegawai dari Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan.

Program Sua Muka atau

Personal Contact yang juga dihasratkan untuk meningkatkan hubungan dua hala antara pihak kerajaan-rakyat dan rakyat-kerajaan serta membarigakan maklumat dan program serta perkembangan dan kemajuan mukim.

Program tersebut turut dihadiri oleh Pemangku Ketua Kampung Bukit Udal dan Penapar, Awang Muhammad Azmi bin Muhammad.

Dalam ucapan alu-aluannya, beliau antara lain menyentuh mengenai perkembangan dan kemajuan kampung dan berharap program seumpama ini akan dapat mengongsikan lebih banyak maklumat yang berguna demi kesejahteraan hidup berbangsa, beragama dan bernegara.

## Pastikan keselamatan, kesejahteraan jemaah haji negara terjaga

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi  
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

**BERAKAS**, Isnin, 6 Jun. - Pakej harga tambang haji merupakan antara isu yang hangat dipersoalkan berikutan harganya yang semakin meningkat setiap tahun.

Malah, baru-baru ini heboh diperkatakan bahawa harga pakej agak melonjak naik dan sehubungan itu, Pelita Brunei berkesempatan untuk menemui bual Pengarah Urusan Darussalam Holdings Sdn. Bhd. (DHSB), Awang Haji Mahmud bin Haji Mohamed sebelum berlepas ke Arab Saudi di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei di sini.

Pengarah Urusan DHSB menjelaskan bahawa adapun punca utama kenaikan pada tahun ini adalah disebabkan oleh tambahan Value Added Tax (VAT)

sebanyak 15 peratus yang dikenakan oleh pihak Arab Saudi bagi semua perkhidmatan.

Selain itu, kenaikan tambahan lima peratus lagi bagi bangunan hotel yang dinamakan Cukai Bandaran. Manakala, perkhidmatan khemah di Arafah dan Mina pula agak tinggi daripada harga 7,000 riyal saudi, pada tahun 2019 dan meningkat naik pada tahun ini melebihi 11,000 riyal saudi, selain kenaikan juga pada perkhidmatan-perkhidmatan yang lain.

Adapun pihak DHSB bertolak ke Jeddah, Arab Saudi adalah untuk membuat persiapan terakhir menyambut bakal jemaah haji negara yang mengikuti pakej agensi berkenaan, termasuk persiapan hotel penginapan,

pengangkutan, petugas-petugas yang akan dilantik iaitu mutawif dan mutawifah yang akan membimbing para jemaah sepanjang berada di tanah suci.

Selain itu, walaupun pihak hotel penginapan ada menyediakan makanan akan tetapi pihak pengurusan DHSB juga akan memastikan makanan tersebut mengikut kepada kesesuaiannya selain memastikan kesemua bilik tempahan adalah mencukupi.

DHSB akan membuat perjumpaan dengan pihak-pihak tertentu, seperti konsul agung di Jeddah selain semua pengurusan berjalan dengan lancar dan baik nanti.

Awang Haji Mahmud menzahirkan kesyukuran kerana NBD diberikan sebanyak 453 kuota haji dan daripada jumlah berkenaan seramai 352 orang mengikuti pakej haji,

di bawah DHSB, di mana kebanyakannya menggunakan Pakej Zamrud (pakej ekonomi) dan diiringi 10 pegawai dari syarikat berkenaan.

Musim haji pada tahun ini, jelasnya, adalah musim panas kerana suhu cuaca menjangkau melebihi 50 darjah celcius, sementara di Mekah pula mencecah hampir 50 darjah celcius.

Sehubungan itu, pihak pengurusan menasihatkan agar para jemaah agar tidak telalu terdedah kepada suasana luar dari tempat penginapan dan dari itu, DHSB dengan inisiatifnya menghadihkan payung bagi semua para jemaah haji negara.

Para jemaah juga disarankan untuk sentiasa bersiap sedia dengan apa jua keadaan yang akan dihadapi semasa di tanah suci nanti dan memandangkan sekarang masih bergelut dengan pandemik COVID-19, jangan leka untuk sentiasa memakai sungkup muka dan sentiasa bersabar dan jangan membuat perkara-perkara tidak berfaedah yang boleh merosakkan ibadah haji.

Keluarga para jemaah haji yang



PENGARAH Urusan Darussalam Holdings Sdn. Bhd. (DHSB), Awang Haji Mahmud bin Haji Mohamed ketika ditemu bual oleh Pelita Brunei.

tinggal di NBD pula disarankan untuk sentiasa mendoakan keselamatan dan kesejahteraan ahli keluarga mereka masing-masing serta sentiasa lancar dan dipermudahkan semua urusan semasa menunaikan salah satu ibadah rukun Islam itu.

NBD akan menggunakan dua penerbangan khas untuk membawa jemaah haji ke Arab Saudi, di mana rombongan pertama akan berlepas ke tanah suci pada 15 Jun 2022, manakala penerbangan kedua akan berlepas pada 16 Jun 2022.

Turut serta, Penolong Pengurus Am Jabatan Haji dan Umrah Darussalam, Pengiran Haji Ibrahim bin Pengiran Haji Bakar.



ROMBONGAN bergambar ramai sebelum berlepas ke Arab Saudi.

MUKA 2

PELITA BRUNEI, Rabu 6 June, 1962.

## KECHERGASAN PARAJURIT2 BRUNEI MENGHARUMKAN NAMA NEGARA INI — Kata Menteri Besar Brunei

BANDAR BRUNEI. — Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal bin Ma'un berkata bahawa perkhidmatan askar itu ada-lah satu tugas yang paling berat tetapi mulia-mulia di-sisi bangsa, mulia di-sisi tanah ayer dan mulia di-sisi ugama.

Beliau berkata demikian dalam majlis Malam Anika Warna yang di-adakan di-padang besar Bandar Brunei pada malam 19 May yang lalu khas untuk sambutan askar2 yang baharu balek berchuti ka-tanah ayer.

Beliau menegaskan bahawa angkatan tentera itu ada-lah merupakan tulang belakang dari-pada besi yang kokoh bagi tanah ayer kita untuk mempertahankan dan menjaga keselamatan Negara Brunei Darus-Salam, negeri yang sentiasa di-kenal anfan dan damai.

### D.S.P.H. YUSUF KA-BANGKOK

BERAKAS. — Timbalan Setia Usaha Kerajaan Brunei merangkap Pengarah Siaran Radio dan Penerangan, Brunei, Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamad Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim dan Penasehat Ekonomi Kerajaan Brunei, Doktor J.S. Gould telah berangkat ka-Bangkok, Ibu Kota Negeri Siam baharu2 ini untuk mengadakan perundingan2 dengan pakar2 dari Bangsa2 Bersatu mengenai bantuan teknikal kepada Negeri Brunei untuk melaksanakan rancangan kemajuan lima tahun negeri ini.

Beliau2 tersebut juga telah mengadakan perundingan mengenai perbekalan beras yang tetap kepada Negeri Brunei.

Dalam rancangan kemajuan lima tahun Negeri Brunei yang telah di-luluskan tidak berapa lama dahulu pada dasar-nya menunjukkan bahawa 83 peratus dari keperluan beras dalam negeri ini ada-lah di-bawa masuk dari luar negeri.



INCHE YAHYA

Inche Yahya kelihatan dalam gambar ini memberi ucapan bagi pehak ri-kerut2 Askar Melayu Brunei yang telah balek ka-Brunei baharu2 ini untuk berchuti. Ucapan itu telah di-lafaskan di-temasha Malam Anika Warna yang telah di-adakan di-padang besar Bandar Brunei pada malam 19 May yang lalu.

Sa-belum itu Dato Setia Marsal telah menyatakan kegembiraan dan sukachita-nya kerana telah dapat bergaul sa-mula dengan pemuda2 yang telah menyahut panggilan Ibu Pertiwi — menyerahkan tenaga seluroh-nya untuk berkhidmat sa-bagai parajurit2 itu.

"Perasaan itu walau pun tidak dapat di-pandang dengan mata, tetapi kegembiraan yang saya rasai itu ada-lah rasa yang ikhlas dari kesateria tanah ayer untuk pahlawan bangsa yang muda tetapi tetap perkasa", tegas beliau.

Dalam ucapan-nya itu, Menteri Besar Brunei menyatakan bahawa beliau telah menerima berbagai2 pujian tentang kejayaan2 dan nama baik Bakal2 Askar Melayu Brunei itu.

"Sungguh pun latehan askar ini baharu sahaja di-tempoh



Y.A.B. DATO SETIA MARSAL

oleh askar2 kita atau boleh di-katakan julong2 kali parajurit2 kita itu merasai-nya, tetapi kebolehan mereka, kecekapan mereka, kerajinan mereka, keteguhan semangat mereka tidak tertinggal dari askar yang lain yang bersama2 dalam latehan itu, malahan banyak perkara yang parajurit kita boleh membuat-nya dari yang di-sangka."

Beliau berkata: "Baharu2 ini berita2 yang mengharumkan nama Negeri Brunei itu ada tersiar dalam surat2 khabar mengenai kechergasan dan kebolehan parajurit2 kita itu.

Dato Setia Marsal menegaskan lagi bahawa dengan kejayaan yang telah di-chapai oleh Bakal2 Askar Melayu Brunei itu dapatlah di-buktikan bahawa mereka sangat2 mengambil berat dan menaruh perhatian pada nasehat2 beliau pada masa mereka hendak berlepas dari Brunei dahulu.

Beribu2 orang telah menyaksikan Malam Aneka Warna yang khas di-adakan untuk sambutan Bakal2 Askar Melayu Brunei yang baharu balek ka-tanah ayer itu.

## Anggota2 Jabatan Laut Brunei Balek Dari Latehan

BANDAR BRUNEI. — Sapuluh orang anggota dari Jabatan Laut Negeri Brunei yang telah berangkat ka-Singapura untuk berlately dalam ilmu perkapalan dalam bulan March tahun ini telah balek ka-Brunei dengan kapal2 perang dari Malaya.

Mereka ia-lah Serang Tuah bin Kapal, Mohamed bin Abdul Razak, Awang Zaini bin Awang Tengah, Mokti bin Ahmad, Momin bin Idris, Ismail bin Haji Kassim, Abdullah bin Chuchu, Tinggal bin Saman, Tengah bin Abdul Halim dan Ibrahim bin Yusof.

Mereka telah di-sambut di-Tambatan Kastam Diraja Brunei oleh Pegawai Laut Negara, Brunei, Kapitan E.H. Muton.

Anggota2 Jabatan Laut Brunei kelihatan dalam gambar ini pada masa mereka tiba di-Tambatan Kastam Diraja, Bandar Brunei pada pagi 31 May, 1962 setelah berlately di-Singapura Pegawai Laut Negara, Brunei, Kapitan

E.H. Muton kelihatan bilangan tujuh dari kiri. Bilangan enam dari kiri ia-lah Serang Tuah bin Kapal dan bilangan delapan dari kiri ia-lah Chief Petty Officer, Kamis dari Angkatan Laut Diraja, Persekutuan Tanah Melayu. Di-belakang mereka ia-lah Kapal Perang, "Mahamiru."



## Menghadhiri Hari Kebangsaan Singapura

BERAKAS. — Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal bin Ma'un telah berangkat ka-Singapura dengan kapal terbang pada hari Jumaat yang lalu untuk menghadhiri sambutan Hari Kebangsaan Singapura kali yang ketiga.

Y.A.B. Dato Setia Marsal telah menghadhiri perayaan tersebut bersama2 dengan Timbalan Setia Usaha Kerajaan merangkap Pengarah, Siaran Radio dan Penerangan, Brunei, Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamad Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim sa-bagai Wakil2 Kerajaan Brunei.

Di-antara Pegawai2 Kerajaan yang datang ka-lapangan terbang untuk mengucapkan selamat berangkat ka-Singapura kepada Y.A.B. Dato Setia Marsal ia-lah Setia Usaha Kerajaan Brunei Yang Berhormat Raja Azam de Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei, Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Jamil.

## BULAN BAHASA: J. K. Istilah

BANDAR BRUNEI. — Inche Jaya bin Abd. Latif telah dilantek menjadi Pengurus, Jawatan Kuasa Istilah, Bulan Bahasa Kebangsaan Sa-Negeri Brunei.

Beliau di-bantu oleh Inche Hamdan bin Abdul Rahman sa-bagai Naib Pengurus dan Inche Zain Ariff sa-bagai Setia Usaha.

Ahli2 Jawatan Kuasa Istilah bagi saluroh Negeri Brunei adalah seperti di-bawah ini:

Inche Awang Tengah Hassip (Daerah Brunei), Inspektor Ab-Zar bin Abu Bakar (Daerah Brunei), Inche Edmund Keasberry (Daerah Brunei), Inche Ahmad Shah bin Ismail Ahmad (Kuala Belait), Inche Teo Kim Yeo (Kuala Belait), Inche Ignatius Stephen (Kuala Belait), Inche Mohamed Yassin bin Haji Ahmed (Seria), Inche B. Levick (Seria), Inche Mahmud bin Damit (Tutong) dan Inche Harith bin Judin (Temburong).



# Jadikan amalan menabung rutin kehidupan

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman  
Foto : Jabatan Penerangan

**A**MALAN menabung dan pengurusan kewangan bukanlah perkara baharu dalam kalangan masyarakat Brunei. Ia adalah amat sinonim dengan amalan dan pesanan orang-orang tua kitani dahulu, iaitu "Menaruh untuk hari kemudian". Walau bagaimanapun, berbeza dengan masa lampau, sekarang perkhidmatan kewangan telah berkembang jauh dan bertambah canggih selaras dengan keperluan dan permintaan orang ramai.

Dalam keadaan ekonomi global yang tidak menentu dan suasana persekitaran yang sentiasa berubah, kita perlu mempunyai ilmu pengetahuan bagi kita mengurus kewangan secara bijak dan berhemat di semua peringkat, iaitu negara, organisasi, kementerian, jabatan, keluarga dan individu. Tanpa ilmu pengetahuan dalam bidang kewangan, masalah di peringkat individu boleh sahaja menular menjadi masalah peringkat negara khususnya dari segi masalah ekonomi dan juga sosial.

Hari Menabung Kebangsaan merupakan satu inisiatif yang tepat dan perlu diadakan setiap tahun untuk meningkatkan kesedaran dan kemahiran mengenai isu-isu kewangan dalam kalangan masyarakat kita, khususnya generasi muda dan para pelajar yang masih bersekolah. Betapa pentingnya ilmu celik kewangan dan amalan budaya menabung demi jaminan hidup yang lebih baik dan terancang di masa hadapan.

## Kepentingan amalan menabung

Amalan menabung perlu dipraktikkan dalam kehidupan untuk mewujudkan masyarakat yang berjimat cermat. Pada era modenisasi ini, amalan menabung kini lebih efisien dan selamat berbanding dengan cara menabung masa dahulu. Cara menabung kini yang disebutkan ialah simpanan duit dalam akaun bank. Sehubungan itu, pelbagai pihak, termasuk kerajaan dan pihak bank telah mempromosikan kelebihan mengamalkan amalan menabung. Antara kepentingan amalan menabung kepada sesebuah keluarga ialah mempunyai sumber kewangan bagi masa hadapan. Hal ini dikatakan demikian kerana wang merupakan segala-segalanya dalam era globalisasi ini. Tanpa sumber kewangan yang mencukupi, masa hadapan yang cerah bagi seseorang juga tidak terjamin.

## Keperluan masa kecemasan

Selain itu, keperluan duit semasa waktu kecemasan juga merupakan sebab amalan menabung penting kepada sesebuah keluarga. Hal ini disebabkan manusia tidak dapat menjangkakan bila mereka akan memerlukan duit yang banyak bagi menanggung sesuatu yang tidak disangka-sangkakan, seperti peribahasa 'malang tidak berbau'. Misalnya, kebakaran, bencana alam melanda dan kematian ahli keluarga secara tiba-tiba. Modal yang banyak diperlukan untuk mengatasi situasi tersebut dalam masa yang singkat.

Memang tidak dinafikan, bahawa amalan menabung dapat membantu semasa waktu kecemasan.

## Sikap menabung menjadi contoh anak-anak

Seterusnya, amalan menabung yang disemai oleh ibu bapa akan dijadikan suri teladan anak mereka. Hal ini bermaksud, jika sesebuah keluarga telah mengamalkan amalan menabung, malah generasi yang akan datang juga mengikuti perbuatan yang dilakukan oleh ibu bapa mereka. Apabila dewasa, ideologi ini akan terus diwariskan. Konklusinya, amalan menabung dalam keluarga dapat dikekalkan jika ibu bapa tidak mengabaikan kepentingan menabung.

Amalan menabung amat penting dalam sebuah keluarga kerana menabung mendatangkan banyak manfaat dan tiada keburukannya. Pengemblengan tenaga dan usaha untuk memupuk amalan menabung amat diperlukan supaya lebih banyak orang memupuk amalan baik ini. Marilah semua mulai menabung sekarang kerana perjalanan yang beribu langkah, mestilah bermula dengan langkah yang pertama!

## Kesimpulan

Kesimpulannya, sebagai anak bangsa yang bakal dibentuk menjadi modal insan kepada nusa tercinta, kita sewajarnya menjadikan amalan menabung sebagai rutin kehidupan. "Ingat sebelum kena, jimat

sebelum habis" merupakan kata-kata mutiara yang mesti kita hayati. Dengan menabung, kualiti kehidupan yang lebih baik akan dapat kita nikmati. Wang yang ditabung boleh menjadi modal melanjutkan pelajaran atau impian untuk memiliki perniagaan sendiri sebelum kita melangkah ke alam persaraan demi memberi pulangan kehidupan yang lebih baik. Pulangan yang lumayan daripada amalan menabung dapat dirasai, bukan sahaja untuk diri sendiri justeru kepada seantero jagatraya, terutama semasa keadaan mendesak. NSD (National Savings Day) yang disambut setiap 28 Mei ini telah diisytiharkan pada tahun 2015 oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Objektif Hari Menabung Kebangsaan (NSD), antara lainnya adalah untuk menggalakkan budaya menabung dan sikap pengurusan wang secara berhemah; meningkatkan tahap celik kewangan di Negara Brunei Darussalam; dan meningkatkan kesedaran mengenai produk dan perkhidmatan kewangan yang terdapat di Negara Brunei Darussalam.

Marilah kita bersama-sama bekerjasama menjadi generasi celik kewangan. Selamat Hari Menabung Kebangsaan yang Ke-8, 2022.



# KASUT PINK PRINCESS SAH DIPERBUAT DARIPADA KULIT KHINZIR

■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama



**KASUT** kanak-kanak jenama Pink Princess disahkan positif diperbuat daripada kulit khinzir.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 6 Jun. - Berikutan dengan aduan orang awam, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Jabatan Hal Ehwal Syariah (JHES)

mengadakan pemeriksaan bagi kasut kanak-kanak jenama Pink Princess yang dijual di salah sebuah premis perniagaan di negara ini.

Kasut tersebut dihantar ke Jabatan Perkhidmatan Sainifik, Kementerian Kesihatan untuk dianalisa dan hasil analisis jabatan berkenaan telah mendapati bahawa lapisan dalaman kasut tersebut disahkan positif diperbuat daripada kulit khinzir.

Oleh itu, bagi menjaga kemaslahatan masyarakat Islam di negara ini, JHES, telahpun mengarahkan pemilik premis untuk mengasingkan semua kasut tersebut dengan serta merta dari penjualan kepada orang awam.

Di samping itu, pengguna beragama Islam di negara ini adalah dinasihatkan untuk tidak membeli dan menggunakan kasut tersebut.

Sehubungan itu, KHEU juga ingin mengingatkan kepada pemilik, pengurus, pengusaha, peniaga, pembekal dan pengimport produk dan barang gunaannya di negara ini supaya sentiasa berwaspada dan lebih peka terhadap produk-produk dan barang gunaannya import yang akan dijual kepada orang ramai di pasar raya atau kedai masing-masing dengan memastikan produk-produk yang halal dan suci tidak bercampur dengan yang tidak halal.


Ini demi menjaga masalah masyarakat Islam di negara ini dari terjebak mengambil dan menggunakan produk dan barang gunaannya yang tidak halal.

Di samping itu, KHEU mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih atas maklumat berhubung perkara

tersebut.

Bagi orang ramai yang ingin membuat aduan serta perkongsian maklumat mengenai penjualan produk-produk tidak halal secara terbuka di premis-premis perniagaan,

bolehlah dibuat terus ke JHES melalui Bahagian Kawalan Makanan Halal dengan menghubungi talian +673 7166222 atau mana-mana pejabat Bahagian Kawalan Makanan Halal di setiap daerah.



KEMENTERIAN KESIHATAN  
MINISTRY OF HEALTH

Suntikan **VAKSIN**  
**COVID-19** diberikan  
secara **PERCUMA**  
kepada semua  
rakyat dan  
penduduk yang  
bermastautin di  
Negara Brunei  
Darussalam

## 5 syarikat dikenakan kompaun

**ANTARA** syarikat-syarikat yang dikenakan denda kompaun sebanyak BND250 bagi kesalahan pertama kerana melanggar Peraturan-Peraturan Perancangan Bandar dan Desa (Komposisi Kesalahan), 2018.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 6 Jun. - Operasi OPKEMAS yang diadakan buat kali ke-2 pada tahun ini dijalankan oleh Autoriti Perancang, Jabatan Perancang Bandar dan Desa di Mukim Kilanas dan Mukim Sengkurong, baru-baru ini.

Semasa operasi tersebut, sebanyak lima buah syarikat telah dikenakan denda kompaun sebanyak BND250 bagi kesalahan pertama kerana melanggar Peraturan-Peraturan Perancangan Bandar dan Desa (Komposisi Kesalahan), 2018 dan kesemua syarikat tersebut diberikan tempoh selama tujuh hari dari tarikh kompaun dikeluarkan untuk menjelaskan denda tersebut.

Syarikat-syarikat berkenaan didapati meletakkan, menggunakan, menghalang, mempamerkan barang di kawasan kaki lima premis perniagaan, tempat letak kereta, kawasan driveway premis perniagaan dan perusahaan.

Kesalahan-kesalahan ini boleh



JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA  
Operasi Kemas (OpKemas)  
4hb Jun 2022 bersamaan 4 Zulkaedah 1443H

**DENDA KOMPAUN KALI PERTAMA**

**Raziqin Restaurant**  
Kampong Sengkurong A, Mukim Sengkurong

Dikenakan Denda Kompaun \$250.00 kerana meletakkan, melonggokkan dan menggunakan kawasan tempat letak kenderaan termasuk driveway tanpa Kebenaran Perancangan di bawah Bab 58, Perintah perancangan Bandar dan Desa, 2015.

www.mod.gov.bn/tcp | tcp.brunei | Penguatkuasaan@tcp.gov.bn | +673 8200 222

■ Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Pembangunan

menjejaskan keselamatan dan kesejahteraan masyarakat setempat dan kawasan sekitarnya.

Pihak Autoriti Perancang melalui Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Kementerian Pembangunan mengingatkan orang awam, pemilik-pemilik perniagaan dan perusahaan untuk mematuhi

undang-undang perancangan dengan mendapatkan Kebenaran Perancangan untuk setiap kemajuan dan penggunaan tanah.

Untuk sebarang pertanyaan lanjut, orang ramai boleh menghubungi talian Jabatan Perancang Bandar dan Desa, di +6738200222.



JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA  
Operasi Kemas (OpKemas)  
4hb Jun 2022 bersamaan 4 Zulkaedah 1443H

**DENDA KOMPAUN KALI PERTAMA**

**R & T Electronic Enterprise**  
Kampong Kilanas, Mukim Kilanas

Dikenakan Denda Kompaun \$250.00 kerana meletakkan, melonggokkan dan menggunakan kawasan landskap, jalur hijau atau kawasan garisan bangunan tanpa Kebenaran Perancangan di bawah Bab 58, Perintah perancangan Bandar dan Desa, 2015.

www.mod.gov.bn/tcp | tcp.brunei | Penguatkuasaan@tcp.gov.bn | +673 8200 222

# PERKHIDMATAN KERETA API PENTING DALAM PEMULIHAN EKONOMI



**BEIJING, 7 Jun.** - Jumlah kereta api kargo yang beroperasi antara China dengan negara-negara Eropah yang berlepas dari kawasan Delta Sungai Yangtze mencatatkan sebanyak 1,135 buah untuk tempoh lima bulan pertama tahun ini.

Menurut pengumuman syarikat kereta api Kumpulan Biro Shanghai China Railway, angka itu sekali gus menyaksikan pertambahan sebanyak 8.8 peratus berbanding tempoh sama tahun lalu.

Pada Mei, jumlah penghantaran

kontena mencatat 23 ribu TEU iaitu meningkat 12.9 peratus berbanding bulan sama tahun lalu, sedangkan industri perkapalan dan pengangkutan udara mengalami impak pandemik COVID-19.

Syarikat kereta api itu turut komited meningkatkan kecekapan pengangkutan dan kualiti pengoperasian kereta api China-Eropah untuk menjamin keselamatan serta kelancaran saluran pengangkutan kereta api antarabangsa.

Bandar Yiwu di timur China

dikenali sebagai "pasar raya dunia". Sebanyak 12 laluan kereta api kargo telah dibuka, menyambungkan bandar itu dengan pelbagai negara termasuk Sepanyol, Rusia, Belarus, Latvia, Britain, Czech, lima negara di Asia Tengah, Iran, dan Afghanistan sejak kereta api kargo China-Eropah mula beroperasi pada November 2014.

Kereta api itu menghantar barang-barang buatan China ke negara-negara yang terlibat dalam inisiatif Jalur dan Laluan (BRI),

membawa balik alat ganti kenderaan, kayu dan bahan mineral yang dihasilkan dari Eropah dan Asia Tengah.

Difahamkan, jabatan kereta api akan terus menyempurnakan sistem pengoperasian, meningkatkan daya pengangkutan

antarabangsa untuk menjamin kestabilan rantaian bekalan antarabangsa dan melancarkan pola "dwikitaran" yang menggabungkan kitaran domestik dan antarabangsa. - ©BERNAMA

## Thailand teliti situasi COVID-19 sebelum tarik balik pemakaian pelitup muka

**BANGKOK, 7 Jun.** - Thailand akan menilai secara terperinci situasi COVID-19 sebelum membuat sebarang keputusan untuk menarik balik peraturan pemakaian pelitup muka.

Jurucakap Kerajaan Thanakorn Wangboonkongchana berkata Perdana Menteri Prayuth Chan o-cha sudah mengarahkan Pusat Pentadbiran Situasi COVID-19 (CCSA) untuk membuat penilaian selari dengan pelan pemulihan ekonomi negara dan apabila kehidupan rakyat kembali normal.

"Melonggarkan langkah-langkah

prevenca COVID-19 tidak boleh dibuat sewenang-wenangnya. CCSA perlu membuat penilaian dan pertimbangan yang teliti, dengan mengambil kira situasi COVID-19 (terkini) di setiap kawasan serta kesihatan dan keselamatan rakyat.

"Buat masa ini, semua orang digesa untuk terus memakai pelitup muka yang bersih serta mematuhi semua langkah pencegahan yang lain," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Terdahulu, Gabenor Bangkok Chadchart Sittipunt berkata beliau akan mencadangkan

kepada CCSA untuk menjadikan pemakaian pelitup muka di kawasan terbuka sebagai pilihan kerana jangkitan baharu COVID-19 semakin berkurangan.

Ketika ini, orang awam di ibu negara masih diwajibkan memakai pelitup muka apabila berada di luar rumah termasuk di sekolah dan tempat kerja.

Dalam tempoh 24 jam lepas, Thailand merekodkan 2,224 kes baharu COVID-19 dan 20 kematian, menjadikan jumlah jangkitan kepada 4,471,179 dan 30,218 kematian. - ©BERNAMA

## APHR ASEAN gusar terhadap rancangan hukum mati ke atas empat tahanan politik Myanmar

**JAKARTA, 7 Jun.** - Ahli Parlimen Hak Asasi Manusia (APHR) ASEAN menggesa ASEAN dan masyarakat antarabangsa mengambil tindakan bagi menyekat junta Myanmar daripada melaksanakan hukuman mati terhadap empat tahanan politik.

APHR dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di laman sesawangnya pada Isnin memaklumkan, Ahli Parlimen dari Asia Tenggara khatir dengan pengumuman junta Myanmar untuk melaksanakan hukuman itu.

Keempat-empat mereka termasuk bekas Ahli Parlimen terkemuka, Pro Phyo Zeya Thaw, dan aktivis pro-demokrasi terkenal, Kyaw Min Yu aka Ko Jimmy, yang kedua-duanya disabitkan dengan tuduhan keganasan serta dijatuhi hukuman mati pada Jan 2022.

"ASEAN dan masyarakat antarabangsa perlu menggunakan apa jua cara untuk menghalang hukuman itu dilaksanakan. Jika

dilaksanakan, ia pembunuhan yang tidak berperikemanusiaan bermotifkan politik.

"Hukuman bunuh ini akan terus menghalang kemungkinan ke arah dialog politik yang mampan, seperti ditetapkan Konsensus Lima Perkara lebih setahun lalu, serta dipersetujui negara anggota ASEAN dan junta Min Aung Hlaing," kata Pengerusi APHR yang juga Ahli Parlimen Malaysia, Charles Santiago.

APHR menyeru setiap negara anggota ASEAN serta rakan dialognya, mendesak junta membatalkan hukuman mati dan pembebasan tanpa syarat ke atas empat tahanan itu serta-merta.

Selain itu, APHR menyokong kenyataan Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu baru-baru ini yang mengingatkan tentera Myanmar bahawa hukuman mati adalah pelanggaran undang-undang secara terang-terangan terhadap

hak untuk hidup, kebebasan dan keselamatan individu, seperti dalam Artikel 3 Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat.

Media sebelum ini melaporkan rayuan Phyo Zeya Thaw dan Yu terhadap hukuman mati mereka telah ditolak pada minggu lepas.

Sementara itu, dua lagi lelaki dilaporkan dijatuhi hukuman mati kerana membunuh seorang wanita yang mereka percaya bekerja untuk Yangon.

Sejak rampasan kuasa tentera pada Februari tahun lalu, Myanmar menyaksikan lonjakan drastik jumlah individu dijatuhi hukuman mati dengan sekurang-kurangnya 86 orang termasuk kanak-kanak berumur bawah 18 tahun, setakat ini.

Menurut Persatuan Bantuan Tahanan Politik (Burma), kira-kira 14,018 orang telah ditahan manakala 1,905 yang lain telah dibunuh junta sejak rampasan kuasa. - ©BERNAMA

## UK : Boris Johnson terselamat undi tidak percaya

**LONDON, 7 Jun.** - Perdana Menteri Britain, Boris Johnson pada Isnin terselamat daripada undi tidak percaya dalam kalangan Ahli Parlimen Konservatif, sekali gus menjamin kedudukannya.

Johnson menang dengan sokongan 211 daripada 359 Ahli Parlimen, menurut keputusan yang diumumkan pengerusi kumpulan

parlimen Parti Konservatif, Jawatankuasa 1922, Graham Brady.

"Saya mengumumkan bahawa Ahli Parlimen mempunyai keyakinan terhadap Perdana Menteri," kata Brady, lapor Xinhua.

Usul undi tidak percaya terhadap kepimpinan Johnson tercetus

selepas bilangan Ahli Parlimen menyerahkan surat tidak percaya kepada Brady mencecah 54, atau 15 peratus anggota Konservatif.

Dengan keputusan berpihak kepadanya pada Isnin, Johnson tidak akan berdepan satu lagi usul undi tidak percaya dalam tempoh setahun, seperti

termaktub dalam peraturan Parti Konservatif.

Perdana menteri itu dibelenggu skandal "partygate" sejak beberapa bulan lalu, yang melibatkan Johnson dan kakitangannya di Downing Street semasa sekatan pergerakan

COVID-19 pada 2020 dan 2021.

Beliau didenda polis Britain pada April kerana menghadiri satu parti, menjadikannya perdana menteri pertama dalam sejarah negara menerima hukuman kerana melanggar undang-undang. - ©BERNAMA

## Menteri Alam Sekitar Republik Dominika maut ditembak

**SANTO DOMINGO, 7 Jun.** - Menteri Alam Sekitar Republik Dominika, Orlando Jorge Mera, maut akibat ditembak dalam satu insiden di pejabatnya di sini pada Isnin, dipercayai dilakukan oleh "rakan baiknya", menurut pejabat presiden.

Miguel Cruz, "rakan baik Mera" telah ditahan polis, lapor Xinhua memetik kenyataan pejabat presiden.

Kerajaan mengucapkan takziah kepada keluarga mangsa. Insiden itu "sudah disiasat" dan hasil siasatan akan didedahkan kepada umum pada masa yang sesuai.

Sumber Kementerian Alam Sekitar dipetik akhbar tempatan 'Acento' memberitahu, penyerang bertindak memasuki pejabat Mera seorang diri, lalu kedengaran enam hingga tujuh das tembakan dilepaskan.

Bangunan kementerian dikosongkan susulan insiden itu. Mera, 55, merupakan anak kepada bekas Presiden Dominika Salvador Jorge Blanco, yang memerintah negara Caribbean itu pada 1982 dan 1986.

Beliau dilantik menjadi menteri di bawah pemerintahan Presiden Luis Abinader pada Ogos 2020. - ©BERNAMA

## Gempa bumi sederhana gegar perairan Taiwan

**BEIJING, 7 Jun.** - Gempa bumi berukuran 5.4 pada skala Richter menggegarkan perairan timur laut Taiwan pagi Selasa waktu tempatan, menurut Pusat Rangkaian Gempa Bumi China (CENC).

Pusat gempa dengan kedalaman 210 kilometer, ditentukan pada 25.58 darjah utara dan 123.53 darjah timur, lapor Xinhua. - ©BERNAMA

## Sukma : Wilayah persekutuan beri insentif kepada atlet sumbang pingat

**BANGI, 7 Jun.** - Kontinjen Wilayah Persekutuan (WiPers) memutuskan untuk memberi insentif bagi setiap pingat yang diraih atletnya pada Temasya Sukan Malaysia (Sukma) ke-20 yang dijadual berlangsung pada 16 hingga 24 Sept ini.

Menteri Wilayah Persekutuan Datuk Seri Dr Shahidan Kassim berkata menerusi inisiatif itu, atlet yang berjaya meraih pingat emas dalam sukan individu akan menerima insentif sebanyak RM5,000 manakala RM3,000 hingga RM4,000 bagi acara berpasukan.

Bagi pemenang pingat perak pula, atlet akan menerima insentif sebanyak RM2,000 bagi acara individu dan RM1,000 hingga RM1,500 bagi berpasukan manakala bagi pingat gangsa, pemenang akan menerima RM1,000 bagi sukan individu dan RM500 hingga RM700 bagi acara berpasukan.

"Menerusi insentif ini, saya mengharapkan supaya kesemua atlet dan jurulatih WiPers lebih bersemangat dalam memastikan segala matlamat untuk muncul juara menjadi kenyataan," katanya pada majlis penyampaian amanat Kem Latihan Atlet Wipers Sukma (KLAS) 2022 di sini hari ini.

Teks ucapan beliau dibacakan Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan yang juga Ketua Kontinjen WiPers Sukma, Datuk Seri Rosida Jaafar.

Shahidan turut mengharapkan kontinjen WiPers akan menjadi juara pada edisi kali ini dengan memperbaiki pencapaian yang diraih pada edisi 2018 yang menyaksikan pasukan menamatkan saingan sebagai naib juara.

Katanya sasaran untuk muncul juara dilihat mampu direalisasikan memandangkan atlet WiPers merupakan antara menyumbang pingat terbanyak pada Sukan SEA, Hanoi di Vietnam, baru-baru ini.

Kontinjen WiPers mempertaruhkan 587 atlet untuk bertanding dalam 31 jenis sukan yang bakal dipertandingkan.

Pada temasya Sukma 2018, kontinjen WiPers menjadi naib juara temasya itu dengan meraih 52 pingat emas. - ©BERNAMA



ePaper Pelita Brunei



## 18 JURULATIH TAMAT KURSUS KEJURULATIHAN DIPLOMA 'A' FABD/AFC



PARA jurulatih bola sepak menamatkan Kursus Kejurulatihan Diploma 'A' FABD / AFC (kiri), sementara gambar tengah dan kanan, Pemangku Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Mohammad Rosfazilah bin Haji Yusly hadir selaku tetamu kehormat, seterusnya menyampaikan sijil kepada jurulatih yang diraikan.

Oleh : Khartini Hamir  
Foto : Hamzah Mohidin

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 6 Jun. - Seramai 18 jurulatih bola sepak hari ini menamatkan Kursus Kejurulatihan Diploma 'A' FABD / AFC.

Majlis penutup diadakan di Dewan Serbaguna Persatuan Bola Sepak Negara Brunei Darussalam (FABD) di Jalan Pusat Persidangan, Berakas.

Daripada 18 jurulatih, 11 adalah warga Negara Brunei Darussalam, empat dari Malaysia, dua dari Singapura dan seorang warga Nigeria.

Kursus yang berlangsung dari 26 Mei 2022 hingga 6 Jun 2022 itu menyaksikan para jurulatih diajar untuk membentuk falsafah permainan, pelajaran Sains Sukan, kawalan *doping* dalam kalangan pemain bola sepak, memahami penyesuaian mental pemain dan membangunkan taktik

padang sama ada dalam posisi bertahan atau menyerang.

Selain kelas teori, para jurulatih juga dibawa ke sesi amali untuk lebih memahami arahan bimbingan yang diberikan di sepanjang kursus.

Kesemua jurulatih bagaimanapun perlu lulus peperiksaan mereka sebelum disahkan sebagai jurulatih berlesen 'A'.

Kursus difasilitorkan oleh Coach Instructor, Stephen Ng, dengan dibantu

oleh Penolong Jurulatih, iaitu Izzat Omar, Haji Ameer Lani, Matuz Bozik dan Aminuddin Jumat.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut, Pemangku Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Mohammad Rosfazilah bin Haji Yusly.

Turut hadir, Ahli Majlis Eksekutif FABD, Setiausaha Agung, Mohammad Shanon Mohd. Salleh dan ahli-ahli Sekretariat FABD.

## Piala FA 2022 bermula 6 Ogos

Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin

**BERAKAS**, Selasa, 7 Jun. - Piala FA 2022 yang bermula pada 6 Ogos dan dijangka berakhir pada 27 November nanti akan menentukan wakil Pasukan Bola Sepak Negara Brunei Darussalam yang akan bersaing dalam Piala Konfederasi Bola Sepak Asia (AFC) 2023.

Exco Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD) selaku Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pertandingan Bola Sepak, Awang Morni bin Haji Zakaria berkata, berikutan pembatalan Liga Super Brunei pada tahun lepas disebabkan wabak COVID-19 yang melanda negara ini, pihak Pertandingan FABD mengambil inisiatif dengan menganjurkan Piala FA bagi Tahun 2022.

"Liga Super Brunei tidak dapat dijalankan kerana tidak cukup masa untuk kita menghabiskannya.

"Oleh itu, bagi membolehkan kita memilih wakil negara ke Piala AFC pada tahun hadapan, maka kita hanya boleh mengadakan Piala FA, pada tahun ini," katanya pada Sidang Media yang berlangsung di Rumah FABD, di sini.

Beliau menambah, format perlawanan adalah peringkat kumpulan, pusingan 16 suku akhir, separuh akhir dan perlawanan akhir.

"Sebanyak 32 pasukan akan menyertai kejohanan berkenaan. 15 pasukan dari Division 1, iaitu Liga Super Brunei dan 17 Pasukan dari Liga Daerah yang dikategorikan dalam Division 2 mengikut kuota yang telah diberikan," ujar beliau.

Walau bagaimanapun, katanya terdapat perubahan bagi kuota penyertaan pasukan tersebut.

Dari Daerah Tutong, lima pasukan bersetuju untuk

menyertai Piala FA, iaitu Azmain Shah FC; Bang Dalam FC; Tutong Hotspur FC; Pertama FC; dan Tutong Bawah 20 Tahun.

Manakala Persatuan Bola Sepak Daerah Belait tidak dapat memenuhi lima kuota yang diberikan dengan hanya mencalonkan empat pasukan, iaitu Hoist FC; HR FC; Nelayan FC; dan Hawa FC.

Sementara itu, satu pasukan dari Daerah Temburong akan menyertai piala tersebut, iaitu Lun Bawang FC.

Beliau menjelaskan, Persatuan Bola Sepak Brunei dan Muara belum lagi menghantar senarai nama pasukan memandangkan ia diberi enam kuota, namun akan menghantar tujuh pasukan, di mana satu kuota diambil dari Persatuan Bola Sepak Daerah Belait.

Dalam pada itu, beliau memberitahu, juara bagi kejohanan ini akan menerima hadiah wang tunai sebanyak BND10,000, manakala naib juara akan membawa pulang hadiah wang tunai BND7,000.

"Para penyokong yang akan hadir menyaksikan perlawanan Piala FA ini bermula 6 Ogos nanti, perlu mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah disarankan oleh pihak Kementerian Kesihatan dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, termasuk



EXCO Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD) selaku Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pertandingan Bola Sepak, Awang Morni bin Haji Zakaria pada Sidang Media yang berlangsung di Rumah FABD.

memakai sungkup muka dan menjalani ART sebelum menghadiri perlawanan," katanya.

Bermula 1 Jun 2022, semua aktiviti sukan, termasuk pertandingan serta perlawanan adalah dibenarkan dan tidak ada had dikenakan bagi jumlah kehadiran penonton selepas penamatan Fasa Awal Endemik dan pengemaskinian garis panduan, di bawah Rangka Kerja Pelan Pemulihan Kebangsaan COVID-19.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

BERSAMA MENJAGA ALAM SEKITAR, ELAK PENCEMARAN UNTUK MASA DEPAN BERSAMA